

@info

Bil. 1/2014

ISSN 0127-1023

Latihan Inovatif Koperasi Progressif



Media Komunikasi Maktab Koperasi Malaysia



Majlis Perundingan Tahunan KPDNKK Bersama Sektor Koperasi

Implikasi **GST**
Kepada Perakaunan
dan Kewangan Koperasi

Memorandum
Persefahaman
MKM-MADA

Lawatan ke
NATIONAL ECONOMIC-
TECHNICAL COLLEGE
(NETC) DI HANOI, VIETNAM

KANDUNGAN

Eksklusif

- 5 Majlis Perundingan Tahunan KPDNKK Bersama Sektor Koperasi 2014
- 7 Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan (MPKK)

Jaringan

- 9 Majlis MOU MKM-MADA
- 11 Lawatan ke National Economic-Technical College (NETC), Hanoi, Vietnam

Lawatan

- 14 Lawatan Kerja MKM: Industri Asas Tani di Royal Kingdom of Thailand
- 16 "Capacity Building Programme" Ke Chiang Mai

Perspektif

- 21 Potensi Pelancongan Homestay Kepada Koperasi
- 23 Pemasaran Produk Koperasi Melalui Media Sosial
- 24 Implikasi GST Kepada Perakaunan dan Kewangan Koperasi
- 25 Kemelut Kenaikan Harga Barang: Peranan Koperasi

Fokus

- 28 Kolokium 2014
- 30 Pembentangan Penyelidikan di Persidangan Antarabangsa

Berita Kakitangan

- 31 Hari Inovasi dan Perhimpunan Warga Kerja MKM
- 40 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM Tahun 2013
- 43 Sekalung Budi

Berita Cawangan

- 44 Sarawak : Seminar Jaringan Kerjasama Strategik: Ke Arah Peningkatan Keberhasilan Koperasi
- 46 Selatan : Percukaian Barangan dan Perkhidmatan (GST)

Galeri

- 32 Koleksi Gambar

Buletin Pelajar

- 47 Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pelajar Maktab Koperasi Malaysia Berhad (KOPEL)
- 48 KSB Amazing Race 2014
- 50 Persidangan Perwakilan Gerakan Pengguna Siswa Kebangsaan 2014
- 51 Penyerahan Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M)
- 52 Save Our Rainforest Race 2014
- 54 Misi Menawan Bukit Broga
- 55 Majlis Penyampaian Anugerah Dekan
- 56 Forum Ijazah VS Surat Nikah
- 57 Program Khidmat Masyarakat "Mahasiswa Bersama Komuniti Desa"
- 58 National Young Entrepreneurs Summit 2014

Iklan

- 59 Kursus ICT
- 60 Kursus Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi
- 61 Kursus Pengurusan Perniagaan
- 62 Diploma (Sepenuh Masa) Pengurusan Koperasi
- 63 Sijil Pengurusan Koperasi e-PJJ
- 64 Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Keupujian (Bidang Tumpuan Pengurusan Koperasi)

SIDANG EDITORIAL**Penasihat**

YBhg. Prof Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik
Ketua Pengarah

Ketua Editor

Pn. Hajah Julia Bee Ramjan
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Editor

Pn. Afiza Abd Karim
Unit Pentadbiran Akademik

Sidang Redaksi

Pn. Noranita Mohd Nor
Pusat Perakaunan dan Kewangan (ACTIF)

Pn. Rohalinda Ahad
Pusat Pengurusan Perniagaan (COB)

Pn. Nor Azlina Kassim
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Pn. Sharifah Shuzaida Saedin
Pusat Konsultasi Koperasi (KONSULTASI)

Cik Nur Shuhada Ali
Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi (CGL)

En. Khairul Akmal Saim
Unit Perkhidmatan Perpustakaan (UPP)

Cik Siti Hajar Saaey
Pusat Pendidikan Tinggi (iCOOP)

Cik Zaharatul Laili Zakaria
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RnI)

Pn. Nuur-Fazillah Zullkepli
Pusat Antarabangsa dan Komunikasi Korporat (INCC)

En. Muhammad Azri Kamis
En. Mohd Norhisyam Md Daud
Jurufoto

Urus Setia
Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman

Pencetak

Arif Corporation Sdn Bhd
+6 019 262 2441
tommy@arifcorp.com.my

Dari Meja KETUA EDITOR

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam 1 Koperasi,

Syukur Alhamdulillah MKM telah melangkaui tahun 2014 dengan memainkan peranan penting dalam bidang latihan dan pendidikan koperasi di Malaysia. Majalah INFO MKM sebagai wahana ilmu memaparkan aktiviti yang dijalankan oleh MKM untuk pembaca sekalian.

Melalui keluaran INFO kali ini, kami bawakan anda suasana Majlis Perundingan Tahunan KPDNKK Bersama Sektor Koperasi 2014 yang telah dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri PDNKK. Hakikat yang perlu kita akui, bidang koperasi sememangnya memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi negara. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) adalah kementerian yang dipertanggungjawab untuk memantau tujuh agensi di bawahnya dan salah satu antaranya ialah Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kementerian terutamanya yang berkaitan dengan koperasi amat berkesan. Kaedah yang diguna pakai oleh KPDNKK untuk mendekati diri dengan para koperator di Malaysia adalah langkah terbaik dan perlu dicontohi semua.

Segmen Perspektif keluaran kali ini memaparkan beberapa program yang telah diadakan berkaitan Goods and Services Tax (GST).MKM mengadakan program ini dengan kerjasama Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bertujuan menghebahkan kepada warga koperasi mengenai pelaksanaan dan kesan GST kepada individu dan koperasi. Sehingga April 2014, MKM telah mengadakan 9 siri ceramah di beberapa lokasi di seluruh negara.

Selain itu INFO juga menyajikan berita kemeriahan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Hari Inovasi MKM yang diadakan sebagai pengiktirafan kepada warga MKM yang telah berkhidmat dengan cemerlang.

Bagi pihak warga MKM kami mengalu-alu perlantikan Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik sebagai Ketua Pengarah MKM bermula 16 Jun 2014. Semoga dengan kepimpinan beliau MKM akan mencapai visi menjadi institusi bertaraf dunia. Juga tidak dilupakan jasa Dr. Ahmad Zahiruddin bin Yahya, atas sumbangan beliau semasa berkhidmat sebagai Ketua Pengarah mulai 5/3/2013 hingga 17/3/2014.

Akhir kata selamat menyambut Hari Koperasi Negara 2014 yang dijadualkan di Kuala Pilah pada 22 hingga 24 Ogos 2014 dengan tema "Memperkukuh Kerjasama Memperkasa EKonomi"

Sekian. Salam 1 Koperasi.

Sekian,

Hajah Julia Bee bt Ramjan



Selamat Datang
**Ketua Pengarah
MKM**

Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik

Jasamu Dikenang

Dr. Ahmad Zahiruddin bin Yahya
Mantan Ketua Pengarah MKM

(5 Mac 2013 - 17 Mac 2014)



Majlis Perundingan Tahunan KPDNKK Bersama Sektor Koperasi 2014

oleh : Siti Maimunah Jerni
Pusat Antarabangsa dan Komunikasi Korporat

Majlis Perundingan Tahunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Bersama Sektor Koperasi telah diadakan pada 3 Jun 2014 di Perdana Ball Room Palm Garden Hotel, IOI Resort, Kuala Lumpur. Ia merupakan majlis anjuran KPDNKK dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Majlis ini telah berjalan dengan lancar dan dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Hasan Bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Ia merupakan program dialog bersama koperator yang julung kalinya diadakan oleh pihak kementerian.

Menurut YB Dato' Sri Hasan Bin Malek, program ini akan menjadi acara tahunan KPDNKK bagi mendapat maklum balas dan pandangan terhadap



Dua dari kiri: Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff
Timbalan Ketua Pengarah Akademik mewakili MKM

isu-isu yang telah dipanjangkan oleh koperasi kepada pihak-pihak yang berkenaan iaitu KPDNKK dan SKM dalam memajukan lagi gerakan koperasi di negara ini. Majlis ini juga merupakan platform yang disediakan oleh KPDNKK untuk bersama dengan koperator khususnya dan

koperasi amnya agar KPDNKK lebih memahami masalah yang dihadapi oleh koperasi.

Beliau juga menyeru agar koperasi menjadi penyumbang utama kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang mensasarkan 50 bilion pada



Tiga dari kiri: YB Menteri PDNKK mempengerusikan majlis

tahun 2020, dan ini sejajar dengan hasrat Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020. Koperasi perlu mengetahui strategi dan cara untuk menyelesaikan masalah dalam koperasi contohnya masalah kepimpinan, tadbir urus, kewangan dan lain-lain.

Program ini dihadiri seramai lebih kurang 200 orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi

yang mewakili 15 koperasi berskala besar. Sebanyak 40 persoalan berkisarkan tentang permasalahan dalam perniagaan koperasi dan tindakan yang perlu diberi perhatian oleh mereka yang bertanggungjawab telah dibincang.

Diharap pemimpin koperasi dapat menggunakan sebaik mungkin platform yang ada ini bagi

membincangkan isu dan permasalahan semasa berkaitan dengan koperasi demi kemajuan gerakan koperasi secara keseluruhannya. Penggembleran tenaga daripada pihak koperasi, pihak kementerian dan agensi merupakan tonggak bagi menjamin koperasi lebih berdaya saing dan berdaya tahan dalam era globalisasi ini.



Sebahagian Anggota Lembaga Koperasi dan agensi yang turut hadir membincangkan isu dan permasalahan semasa



MAJLIS PERUNDINGAN KOPERASI KEBANGSAAN (MPKK) BIL.1/2014

oleh : Hassan Hj. Ahmad
Pusat Konsultasi Koperasi

Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan (MPKK) merupakan satu majlis konsultasi koperasi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan dihadiri oleh semua EXCO kerajaan negeri yang menjaga kepentingan koperasi di setiap negeri

termasuk wakil daripada SKM, MKM, ANGKASA, universiti terpilih, wakil organisasi bukan kerajaan dan juga koperasi terpilih. MPKK diadakan dua kali setahun yang menimbang dan membuat keputusan berkaitan isu yang dibangkitkan dalam majlis konsultasi di peringkat negeri (MPKN) dan seterusnya diambil tindakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu MPKK Bil 1/2014 telah diadakan pada 11 hingga 13 Mei 2014 di Swiss Garden Resort & SPA, Kuantan.

Atur cara MPKK bermula pada 11 Mei 2014 pukul 8.00 malam dengan Majlis Ramah Mesra bersama YAB Menteri Besar Pahang.



Tn. Hj. Hassan Ahmad, Pengarah Pusat Konsultasi MKM (kanan) melawat ke tapak projek ternakan ikan kerapu bersama konsultan projek di Kompleks LKIM Kuantan



Wakil anggota mesyuarat yang hadir dalam mesyuarat MPKK

Pada 12 Mei 2014 pukul 9.00 pagi anggota mesyuarat telah menghadiri satu lawatan ke projek ternakan ikan kerapu dalam bekas gentian kaca yang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kuantan dengan pemantauan oleh

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Pahang di Kompleks LKIM Kuantan. Dalam lawatan ini anggota rombongan telah diberi taklimat berkaitan projek tersebut oleh konsultan projek berkaitan. Kaedah ternakan ikan kerapu bermula dengan persediaan tempat dengan bekas-bekas gentian kaca dan sistem pengairannya yang menggunakan air paip biasa yang dimasinkan menggunakan garam khas. Kaedah ini dipilih kerana kesukaran mendapatkan bekalan air laut bebas toksin yang berada berhampiran pantai kerana keseluruhan air laut berhampiran pantai dikira tidak sesuai untuk projek ternakan ini.

tersebut. Acara di sini selesai sekitar pukul 12.00 tengah hari. Manakala rombongan YBM telah hadir dalam majlis perasmian bangunan baharu Koperasi Serbausaha Makmur Berhad. Apabila selesai acara lawatan dan perasmian bangunan, maka mesyuarat MPKK bermula yang dipengerusikan oleh YBM KPDNKK. Sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu Pembangunan Pusat Rawatan Koperasi Di Bawah *New Strategic Initiative Cluster Co.*, dibentangkan oleh SKM, Pengiktirafan Koperasi Sebagai Entiti Undang-Undang Bagi Tujuan Pelesenan Dan Pendaftaran Perniagaan oleh ANGKASA dan Pencapaian Kedai Tukar Koperasi: Perspektif Pengurusan Perniagaan Dan Kepuasan Pelanggan oleh MKM. Manakala dua kertas makluman dibentangkan iaitu Pencapaian Pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 oleh SKM dan Status Kajian Sumbangan Sektor Koperasi Kepada Pembangunan Ekonomi Negara oleh KPMG.



Tn. Hj. Hassan Ahmad (kanan) dan Pn. Noranita Mohd Nor (kiri) mewakili MKM semasa mesyuarat MPKK Bil 1/2014 di Swiss Garden Resort & SPA, Kuantan



oleh : Nuur-Fadzillah Zullkepli
Pusat Antarabangsa dan Komunikasi Korporat

“Harta akan habis digunakan tanpa ilmu tapi sebaliknya ilmu akan berkembang jika ia diguna dan dikongsi bersama. ”

Begitulah pendekatan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dalam menyebarkan maklumat, latihan dan pendidikan yang dapat dimanfaatkan oleh gerakan koperasi mahupun agensi dan organisasi yang memerlukan khidmat dan latihan. Langkah ini adalah sinonim dengan fungsinya sebagai pusat latihan koperasi tanah air.

Tanggal 5 Mei 2014 merupakan detik bersejarah buat MKM kerana julung kalinya memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda atau lebih dikenali sebagai MADA.

Majlis menandatangani MOU MKM-MADA ini telah berlangsung di Hotel TH, Alor Setar Kedah. Upacara menandatangani MOU telah disempurnakan oleh YBhg. Pn. Norwatim binti Haji Abdul Latiff, Pemangku Ketua Pengarah mewakili MKM dan YBhg. Dato’ Haji Abdul Rahim bin Saleh bagi pihak MADA. Majlis ini telah disaksikan oleh YBhg. Dato’ Othman bin Hj. Aziz selaku Pengerusi MADA dan YBhg. Datuk Hj. Md. Yusof bin Samsuddin, Pengerusi Lembaga Maktab Koperasi Malaysia serta anggaran 1000 Anggota Pertubuhan Peladang Kawasan MADA yang hadir.

MOU antara kedua-dua pihak ini adalah rentetan daripada lawatan pihak MADA ke MKM pada 11 Februari 2014. MADA yang ketika itu diwakili oleh En. Mukhlis Zainol Abidin, Ketua Sektor Latihan dan Tn. Hj. Samsuri bin Samsudin, Pegawai Hal Ehwal Ekonomi mengadakan lawatan untuk membincangkan kerjasama yang boleh dijalin antara pihak MKM dengan pihak MADA. Justeru, bertitik tolak dari situ, MADA telah mengutarakan hasrat mereka untuk menggunakan kepakaran MKM dalam ilmu pentadbiran serta pengurusan untuk melatih pengurus-pengurus besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA yang keseluruhannya berkemahiran tinggi dalam bidang pertanian namun memerlukan ilmu dalam bidang pengurusan dan pentadbiran.



Majlis Pertukaran Dokumen antara Dato' Hj. Abdul Rahim bin Salleh (kiri) dan Pn. Norwatim Hj. Abdul Latiff (kanan)

Objektif utama kursus induksi yang dirancang adalah untuk memberi kefahaman kepada pengurus besar PPK MADA terhadap keperluan dan kemahiran dalam mentadbir dan mengurus organisasi dengan sistematik serta mendedahkan mereka kepada teknik pengurusan dan aplikasi kemahiran dalam aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi secara cekap dan berkesan.

Melalui jalinan MOU ini dapat dilihat sinergi dan kerjasama antara kedua organisasi dalam memberi latihan. MKM mahupun MADA mengharapkan melalui latihan yang diberi, individu yang dilatih dapat meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka seterusnya menterjemahkannya kepada hasil untuk organisasi yang dipimpin. Usaha ini memecah kebiasaan dan stereotaip yang umumnya mengaitkan MKM dengan latihan dalam sektor koperasi sahaja. Ini sekali gus

membuktikan bahawa MKM mampu memainkan peranan dalam memberi latihan kepada gerakan koperasi dan pada masa yang sama berkongsi ilmu dan kepakaran dengan agensi dan organisasi lain.

Usaha ini dilihat sebagai menyahut seruan kerajaan bagi mengoptimumkan penggunaan pusat latihan sedia ada dan perkongsian kepakaran antara agensi kerajaan bagi kesejahteraan

rakyat umumnya. Kerjasama awal menunjukkan reaksi positif kedua-dua pihak. Ini merupakan indikator yang baik ke arah mewujudkan kerjasama dalam bidang latihan, pendidikan dan aktiviti berasaskan pengetahuan yang positif pada masa akan datang antara MKM dengan MADA. Sekali gus mengukuhkan hasrat MKM untuk menjadi sebuah pusat latihan yang terunggul di dalam dan luar negara.



Antara Anggota Pertubuhan Peladang Kawasan MADA yang turut hadir

Lawatan ke NATIONAL ECONOMIC-TECHNICAL COLLEGE (NETC) DI HANOI, VIETNAM

oleh: **Azmaliza Arifin**
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Hamizah Mohd Nadzir
MKM Cawangan Sarawak

Pada 18 November hingga 1 Disember 2013, seramai empat orang pegawai terdiri daripada dua orang pegawai Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan dua orang pegawai ANGKASA telah menyertai Program *Joint Working Group* (J.W.G) di National Economic- Technical College (NETC), Hanoi, Vietnam. Program ini dijalankan hasil daripada kerjasama latihan melalui perjanjian persefahaman, *Joint Working Group* (J.W.G) Malaysia-Vietnam yang ditandatangani antara kerajaan Malaysia iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Ministry of Planning and Investment of Vietnam (MPI) pada 26 September 2012.

Tujuan program ini diadakan untuk memberi peluang dan pendedahan kepada warga akademik MKM

mengenai gerakan koperasi di Vietnam secara amnya, dan juga NETC secara khusus. Selain itu, program ini memberikan maklumat dan perkongsian mengenai aktiviti-aktiviti berasaskan ilmu pengetahuan dan penyelidikan yang dapat memberi manfaat kepada MKM dan NETC, seterusnya kepada gerakan koperasi antara kedua-dua buah negara dalam pelbagai aspek pendidikan dan latihan koperasi. Secara tidak langsung, program latihan ini dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala antara MKM, Malaysia dan NETC, Vietnam.

Sepanjang program latihan ini berlangsung, peserta telah diberi penerangan mengenai NETC dan berpeluang melawat bilik-bilik kuliah: perpustakaan, makmal dan fasiliti-fasiliti yang disediakan oleh kolej ini. Menurut En. Hoang Van Ly, Timbalan

Presiden, NETC telah ditubuhkan pada 19 Mac 2009 oleh Kementerian Pendidikan dan Latihan Vietnam. NETC merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan hasil kesinambungan daripada *Vietnam Institute for Small Enterprises and Cooperatives* (VISEC) yang ditubuhkan pada tahun 1992. Sehingga kini, terdapat sejumlah 162 orang kakitangan (akademik dan pengurusan) serta 3,000 orang pelajar. Berdasarkan maklumat kelulusan akademik kakitangan kolej ini, dimaklumkan seramai 3 orang berkelulusan Ph.D, 62 orang berkelulusan Sarjana dan 97 orang berkelulusan Ijazah.

NETC beroperasi di kawasan seluas 5 hektar dengan kemudahan yang disediakan seperti 56 bilik kuliah, 29 buah makmal dan latihan, perpustakaan, dewan besar, stadium dan kompleks untuk aktiviti riadah.



Pn. Azmaliza Arifin (dua dari kanan) bersama Pegawai MKM, Pegawai ANGKASA dan Ms. Nguyen Thi Mai (tiga dari kanan) Penyelaras J.W.G di Vietnam (Head of Science, Technology & International Cooperation, NETC)



Bergambar bersama pensyarah-pensyarah di Fakulti Kejuruteraan, NETC

Pelajar-pelajar di NETC juga turut disediakan dengan 209 buah bilik penginapan asrama, dengan jumlah pelajar seramai 1300 orang. NETC juga melaksanakan jaringan kerjasama dengan organisasi antarabangsa bagi tujuan pemindahan pengetahuan dan teknologi.

Sehingga kini, NETC telah menawarkan dua jenis program latihan iaitu latihan jangka panjang (program ijazah dan diploma) dan latihan jangka

pendek. Selain menawarkan program-program tersebut, NETC turut menawarkan program profesional jangka pendek kepada kakitangannya, Ahli Lembaga Koperasi, kakitangan profesional koperasi dan anggota biasa koperasi serta kepada golongan pakar. Secara amnya, antara fungsi dan tanggungjawab NETC ialah:

i. Melatih pelajar dalam bidang ekonomi, teknikal dan teknologi.

ii. Melatih dan meningkatkan pengetahuan kakitangan pengurusan, kakitangan profesional dan anggota dalam gerakan koperasi.

iii. Selain itu, organisasi ini juga terlibat dalam memberi latihan kepada usahawan kecil di seluruh Vietnam.

iv. Menyediakan bahan, program dan buku teks kepada pelatih.



Peserta berpeluang meraikan " Teachers Day" bersama-sama pensyarah dan pelajar di NETC, yang disambut setiap tahun pada 20 November 2013



Lawatan ke perpustakaan di NETC



Lawatan ke makmal komputer NETC



Menghadiri kuliah kejuruteraan NETC bersama pensyarah dan pelajar

- v. Memberi latihan dan meningkatkan pengetahuan kakitangan dan pensyarah supaya dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik.
- vi. Melaksanakan penyelidikan saintifik dan membangunkan teknologi dalam bidang pendidikan dan aktiviti dalam latihan.
- vii. Bekerjasama dengan negara Vietnam, individu dan organisasi latihan antarabangsa untuk pembangunan sumber manusia dan untuk tujuan pemindahan teknologi.

latihan dan pendidikan seperti kursus jangka pendek dan program jangka panjang, penyelidikan, persidangan, pertukaran pelajar/pensyarah dan perkongsian maklumat koperasi di laman sesawang. Semoga program

sangkutan ini diteruskan lagi pada masa akan datang agar dapat memperkukuh dan meningkatkan lagi imej MKM dalam gerakan koperasi di dunia.

Secara keseluruhannya, program ini amat bermanfaat dan memberi impak yang positif kerana banyak amalan-amalan baik yang boleh dipraktikkan oleh MKM dan koperasi di Malaysia. Selain itu, adalah diharapkan agar jalinan kerjasama antara MKM dengan NETC ini dapat direalisasikan menerusi perkongsian dalam bidang



Taklimat oleh pensyarah NETC mengenai projek yang dijalankan oleh pensyarah dan pelajar

Lawatan Kerja MKM INDUSTRI ASAS TANI DI ROYAL KINGDOM OF THAILAND

oleh: Dino Faizal Abdullah
Pusat Pengurusan Perniagaan



Sesi taklimat disampaikan oleh Penolong Pengarah Perhubungan Awam Chokchai, Mr. Emil Kachchap

Pada 15 hingga 20 September 2013, seramai tiga orang pegawai MKM telah menyertai **Program Lawatan Kerja Bersepadu Kementerian dan Agensi ke Thailand**. Pegawai MKM tersebut ialah Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Pn. Arfizawati Abd. Hadi dan En. Dino Faizal Abdullah, pegawai latihan dari Pusat Pengurusan Perniagaan. Di samping itu, agensi lain yang mengikuti program ini ialah wakil ANGKASA, MADA, SEDC

Sarawak, Agro Bank, Kementerian Pertanian, LKIM, KEJORA dan FAMA.

Program lawatan ke Thailand ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang bidang fungsi keberhasilan pertanian dan asas tani supaya dapat menambah nilai perkhidmatan konsultasi kepada koperasi dan pengetahuan kepada kumpulan kepakaran bidang keberhasilan fungsi pertanian. Perkara ini amat baik kerana pegawai latihan dapat

memberi latihan dan pendidikan serta bimbingan kepada koperasi berkaitan dengan pertanian.

Tempat-tempat yang menjadi fokus untuk program lawatan ini antaranya ialah *Farm Chokchai* iaitu Pusat Ternakan Lembu Tenusu dan Agro-Pelancongan terbesar di Thailand dan Asia Tenggara. *Farm Chokchai* terletak di Wilayah Nakornrachasima, kira-kira dua jam perjalanan dari Bandaraya Bangkok. Ladang ini merupakan *One Stop Centre* kepada pusat latihan, penternakan tenusu dan pedaging,



Lembu susu baka Chokchai Friesian



Pusat jualan hasil ternakan Chokchai



Kenderaan pelancongan untuk lawatan di ladang Chokchai

penyediaan pertanian secara organik dan pusat agro-pelancongan yang menyediakan pakej lawatan secara menyeluruh bagi aktiviti yang ada di ladang tersebut.

Selain itu, lawatan juga diadakan ke *Royal Intergrated Development Center* iaitu Projek YM Raja Thailand. Terletak di Bandar Phanom Sarakam, di selatan Bangkok. Pusat ini menyediakan kemudahan pembelajaran pemuliharaan tanah, pusat latihan industri asas tani dan pusat penyelidikan dan pembangunan

industri asas tani. Seterusnya, lawatan diteruskan ke Rayong Site iaitu ladang pertanian buah-buahan. Ladang ini merupakan projek agro-pelancongan yang terletak di Wilayah Chanthaburi. Kemudian ahli rombongan dibawa melawat pusat pemasaran hasil pertanian terbesar di Asia Tenggara (*Intergated Agriculture Marketing Center*). Pusat pemasaran ini terletak di Wilayah Pathum Thani yang merupakan pusat pengumpulan hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan pelbagai jenis buah-buahan dari seluruh Thailand.

Sebagai penutup kepada program lawatan ini, ahli rombongan dibawa melawat Pusat Sains Penyelidikan dan Pensijilan Halal Thailand (Halal STI) di Universiti Chulalongkong, Bangkok. Semasa di Halal STI, ahli rombongan telah dibawa melawat pameran produk-produk halal Thailand dan sesi lawatan ini diakhiri dengan taklimat yang disampaikan oleh Dr. Winai Dahlan yang merupakan Pengarah Halal STI Universiti Chulalongkong.

Secara keseluruhannya, program lawatan ini amat bermanfaat dan berguna kerana pelbagai pengalaman dan ilmu telah diperoleh.



Kilang aiskrim hasil tenusu Chokchai



Ladang Chokchai

PROGRAM BERSEPADU INDUSTRI PERTANIAN

oleh : Ju Samsuddin Safian
Pusat Pendidikan Tinggi

Program Bersepadu Industri Pertanian anjuran FAMA Malaysia ke Chiang Mai dan Bangkok telah diikuti oleh pegawai daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan Malaysia termasuk Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan koperasi. Ia telah berlangsung selama lima hari iaitu dari 19 hingga 24 Jun 2014. MKM diwakili En. Ju Samsuddin Safian dan En. Mohamad Haswardi Morshidi manakala dua orang wakil koperasi ialah Tn. Hj. Ismail Rahaman dan En. Tarmizi Hj. Suak dari Koperasi Bela Rakyat (KOBERA).

Lawatan pertama adalah ke Projek Ladang Mangga di Phannai Village daerah Prao, Chiang Mai. Perjalanan mengambil masa lebih kurang tiga (3) jam dari pusat bandar Chiang Mai. Setiba di tapak projek, kami dibawa melawat dan diberikan taklimat mengenai pembangunan serta kemajuan projek ladang mangga

di Phannai Village yang mampu memberi sumber pendapatan kepada penduduk setempat daerah Prao, Chiang Mai. Ladang mangga ini telah diusahakan oleh 120 orang pengusaha yang terdiri daripada penduduk kampung di daerah tersebut. Perkara yang membanggakan adalah kesemua pengusaha mangga ini mengusahakan projek tanpa sebarang bantuan

daripada kerajaan. Jenis mangga yang banyak ditanam di kawasan ini ialah mangga yang dikenali sebagai Nam Dok Mai. Musim utama ia berbuah bermula dari bulan November hingga Mac dan tempoh penuaiannya antara bulan April hingga September setiap tahun. Mangga yang berkualiti dan terbaik akan dieksport keluar negara terutama ke Malaysia.



Jenis mangga yang ditanam di Chiang Mai, Thailand



Sesi perbincangan bersama ketua projek ladang Mangga Phannai Village



Pekerja sedang melakukan proses penggredan buah mangga

Kemudiannya, pada sebelah petang kami dibawa melawat dan mendengar taklimat ke kilang memproses produk hiliran mangga di daerah Chiangdao. Kilang yang diberi nama Doi Luang Farmers Processing Community Enterprise yang merupakan salah satu organisasi yang terlibat dengan projek 'One Tambon One Product' (OTOP) atau dalam Bahasa Malaysia bermaksud Satu Daerah Satu Produk. Kilang ini memproses buah mangga daripada jenis Mahachanok untuk dijadikan produk hiliran seperti jus buah mangga dan manisan mangga yang dipasarkan ke seluruh Thailand terutama kawasan utara. Projek OTOP kawasan ini mampu memberikan pendapatan kepada masyarakat setempat.

Pada hari seterusnya, di sebelah pagi kami dibawa melawat pasar pertanian di pekan Chiang Mai yang merupakan pasar barang-barang basah terbesar di Chiang Mai. Lokasi pasar ini terletak di kawasan bernama Mueang. Pelbagai hasil pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan hasil laut dipasarkan di sini yang juga merupakan sebahagian besar hasil pertanian yang terlibat dengan projek OTOP di Chiang Mai.

Di sebelah petangnya, kami dibawa melawat ke tempat projek pembuatan



Produk yang dihasilkan daripada buah mangga

kertas saa dan projek pembuatan payung. Kedua-dua projek ini merupakan projek di bawah OTOP. Projek kertas saa merupakan projek yang dilaksanakan oleh sekumpulan penduduk kampung di daerah Borsang, Chiang Mai, seramai 32 orang. Kertas saa merupakan kertas yang dihasilkan melalui pokok Mulberry. Penduduk kampung menggunakan pokok Mulberry sebagai bahan asas untuk menghasilkan kertas Saa. Setelah kertas dihasilkan mereka akan mengeluarkan produk hiliran daripada kertas saa. Antara produk hiliran yang dihasilkan daripada bahan ini ialah kotak hadiah, buku cenderahati, kertas pembalut hadiah dan beg kertas. Kertas saa merupakan antara produk di bawah OTOP dan sebahagian besar produk kertas saa ini diproses untuk dieksport ke negara timur tengah dan bukan untuk pasaran tempatan.




Kawasan penggredan buah mangga untuk menentukan kualiti buah dan jenis produk yang akan dihasilkan

Bagi pelancong-pelancong yang melawat Chiang Mai adalah tidak sah sekiranya tidak melawat ke lokasi pembuatan payung yang amat sinonim dengan Chiang Mai. Oleh yang demikian, destinasi kami seterusnya adalah projek pembuatan payung yang juga terletak di daerah Borsang. Industri pembuatan payung ini berkembang pesat kerana permintaan terhadap payung yang dihasilkan



Pelbagai hasil pertanian, sayur-sayuran dan hasil laut di pasar basah terbesar di Chiang Mai



Proses menghasilkan kertas Saa daripada pokok mulberry



Produk sampingan yang terhasil daripada kertas Saa



Borsang Chiang Mai merupakan pusat pengeluaran popular payung tradisional di negeri Thai

di sini tinggi. Ini kerana payung yang berkualiti tinggi ini digunakan untuk upacara keagamaan, sebagai alat pelindung hujan di samping sebagai alat cenderahati yang unik. Lawatan ke tapak pembuatan payung serta barangan cenderamata ini amat mengujakan kami. Di sini disediakan juga perkhidmatan melukis payung, kipas, beg mahupun sarung telefon bimbit mengikut cita rasa pengunjung pada harga yang cukup murah dan hasil lukisan tadi disediakan dalam masa yang singkat sahaja.

Seterusnya pada hari keempat, kami dibawa melawat ke Royal Flora Ratchaphruek. Lokasi pelancongan ini merupakan kawasan taman yang dihadiahkan oleh negara-negara ternama seluruh dunia sebagai hadiah simbolik sempena hari kelahiran Raja Thailand. Berbagai pokok bunga, orkid dan tanaman eksotik dari seluruh dunia ditanam di sini selain pembinaan bangunan yang menjadi ikon atau mercu tanda kepada sesebuah negara. Kini ia merupakan sebuah taman yang menjadi tumpuan utama pelancong



Proses penghasilan payung di pusat penghasilan payung Borsang, Chiang Mai



yang datang ke Chiang Mai selain dijadikan pusat penyelidikan budaya.


Destinasi terakhir program kami adalah ke Bangkok. Pada sebelah pagi kami dibawa melawat ke Thaifex 2014 (World Of Food) Dan Halal Standard Institute Of Thailand. ThaiFex ini merupakan acara tahunan di Thailand. Di lokasi Thaifex 2014 pada kali ini para pengunjung boleh menyaksikan pelbagai hasil pertanian yang telah dikomersialkan dan dijadikan produk hiliran. Selain itu ruang pameran juga menyajikan pelbagai jenis makanan dari seluruh dunia yang boleh dirasa secara percuma. Thaifex 2014 ini turut sama mempamerkan alatan serta mesin dan kenderaan yang serba moden untuk kegunaan pertanian, pemprosesan sehinggalah memasarkan produk-produk pertanian. Pihak yang terlibat

datang dari seluruh pelosok Thailand terutama mereka yang terlibat dengan projek OTOP dan juga dari luar negara termasuk Malaysia. Acara tahunan sebegini secara tidak langsung telah mengumpul pelbagai hasil pertanian daripada pelbagai pengeluar dan pelbagai negara di dunia, yang boleh memberi impak yang besar terhadap ekonomi sesebuah negara yang turut serta.

Lokasi lawatan terakhir program sebelum balik ke Malaysia ialah melawat pasar hasil pertanian terbesar di Thailand iaitu Pasar Talaadthai yang terletak di Bangkok. Dengan keluasan 450 ekar ia dibahagikan mengikut jenis hasil pertanian. Mengikut rekod, Pasar Talaadthai ini menguruskan jualan produk pertanian berjumlah 15000 tan metrik sehari dengan nilai urus niaga berjumlah 400 hingga 600 juta baht

sehari atau kira-kira RM40 juta hingga RM60 juta sehari. Pasar ini dibuka 24 jam sehari untuk pemborong dan individu.

Sebagai kesimpulan program ini banyak memberi maklumat mengenai masyarakat setempat yang membudayakan kerjasama serta perkongsian industri dan pengeluaran hasil pertanian dalam skala besar yang memberi impak kepada penduduk setempat bagi menjana pendapatan bagi kehidupan seharian. Pendekatan yang dibuat oleh negara Thailand melalui OTOP harus dilihat secara lebih dekat lagi untuk dilaksanakan di Malaysia, yang juga ada melaksanakan program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). Ini memungkinkan juga program seumpama OTOP atau SDSI ini diterapkan dalam budaya berkoperasi kita di Malaysia.



Antara produk hasil pertanian yang telah dikomersialkan

Potensi PELANCONGAN HOMESTAY KEPADA KOPERASI

oleh : Noranita Mohd Nor
Pusat Pengurusan Perniagaan

Pada 28 Januari 2014, telah berlangsung satu program Bicara Profesional bertajuk 'Potensi Pelancongan Homestay Kepada Koperasi' dan Taklimat Program Latihan MKM 2014 anjuran Pusat Pengurusan Perniagaan, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di Puteri Resort Ayer Keroh, Melaka. Program ini telah dihadiri oleh 327 orang peserta di sekitar Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Program ini telah dirasmikan oleh Pn. Noor Zeeta Mohd. Ramli, Pengarah Pusat Pengurusan Perniagaan MKM. Turut hadir ialah En. Muhabir Ibrahim, Pengarah



Tetamu VIP yang hadir



Taklimat program latihan MKM 2014 oleh Pn. Norhayati Abd Rahman, pensyarah MKM

Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK) Melaka, Tn. Hj Muslim M. Shah, Pengerusi Perhubungan ANGKASA Melaka serta Pn. Rabiatul Adawiyah, wakil Pengarah SKM Melaka.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai potensi pelancongan *homestay* kepada koperasi dan untuk mewujudkan jaringan perniagaan antara koperasi dengan usahawan pelancongan serta merancang kerjasama strategik dalam sektor ini dalam kalangan koperasi serta mempromosikan kursus-kursus

yang akan dijalankan di MKM pada tahun 2014. Program telah dimulakan dengan sesi taklimat Program Latihan MKM 2014 yang telah disampaikan oleh Pensyarah Pusat Pengurusan Perniagaan MKM, Pn. Norhayati Abd. Rahman. Kertas kerja Bicara Profesional pula telah dibentangkan oleh YBhg. Dato' Sahariman Hamdan, selaku Pengerusi Persatuan *Homestay* Malaysia. Pembentangan daripada Persatuan *Homestay* Malaysia adalah mengenai cara koperasi boleh menjana pendapatan melalui aktiviti pelancongan *homestay* dan secara tidak langsung boleh dipertimbangkan oleh



Dato' Sahariman Hamdan dan Pn. Noor Zeeta Mohd Ramli semasa sesi soal jawab



Pendaftaran peserta

koperasi untuk menceburinya. Kertas kerja yang dibentangkan merangkumi latar belakang pelancongan *homestay*, penglibatan koperasi, cadangan dan model perniagaan serta pendapatan perniagaan.

tajuk yang dibentangkan. Segala pandangan dan maklum balas yang dikemukakan akan dibawa ke pihak yang berkenaan dalam usaha memajukan lagi gerakan koperasi di Malaysia.

program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja, sesi soal jawab telah diadakan bersama para peserta yang dipengerusikan oleh Pn. Noor Zeeta Mohd Ramli, Pengarah Pusat Pengurusan Perniagaan MKM bagi mendapatkan maklum balas dan perkongsian pandangan terhadap

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bahawa aktiviti pelancongan *homestay* mampu menjana pendapatan koperasi termasuk anggota-anggota koperasi. Oleh yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka terhadap



Para peserta yang hadir



Sesi soal jawab

PEMASARAN PRODUK KOPERASI Melalui Media Sosial

oleh : Intan Nur Azreen Mohamad Radzi
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Pn. Najmah Nawawi, Pengarah Pusat ICT merasmikan program Bicara Profesional

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pn. Najmah binti Nawawi, Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), MKM. Objektif Bicara Profesional ini adalah untuk memberi pendedahan kepada warga koperasi berkaitan kepentingan pemasaran produk koperasi melalui media sosial.

Penceramah jemputan, En. Mohd Azrul bin Mohd Nor, Presiden Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Strategi Pemasaran Produk Online". Pembentangan daripada penceramah jemputan yang berpengalaman dalam bidang pemasaran secara *online* diharap dapat memberikan kesedaran kepada seluruh koperator yang hadir dalam program tersebut mengenai strategi yang boleh dilaksanakan secara berkesan untuk memasarkan produk koperasi melalui medium media sosial yang banyak menjana keuntungan bagi usahawan internet. Program ini turut dihadiri oleh Tn. Haji Mohd Rosli bin Hj Basri, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA negeri Perak (JPAN), Encik Muhammad Ashraf bin Nazaruddin, Pegawai Perhubungan ANGKASA negeri Perak serta wakil daripada SKM negeri Perak.



Penceramah jemputan En. Mohd Azrul Mohd Noor sedang memberikan ceramah

Bicara Profesional (BP) bertajuk "Pemasaran Produk Koperasi Melalui Media Sosial" telah diadakan di Hotel Impiana, Ipoh, Perak pada 22 Januari 2014, anjuran Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Maktab Koperasi Malaysia. Kehadiran peserta adalah seramai 180 orang dari seluruh negeri Perak. Program ini juga diadakan bersekali dengan program promosi Latihan MKM 2014 yang dijalankan di beberapa wilayah di Negeri Perak seperti di Kuala Kangsar, Taiping, Manjung dan Ipoh.



Sebahagian peserta yang hadir sedang mendengar pembentangan kertas kerja daripada penceramah jemputan

IMPLIKASI GST

KEPADA PERAKAUNAN DAN KEWANGAN KOPERASI

oleh : **Juliana Yusop**
Pusat Perakaunan dan Kewangan



Pembentangan kertas kerja oleh Puan Fauziah Abu Karim sedang menjawab soalan daripada para peserta

Goods and Services Tax (GST) merupakan cukai yang dikenakan atas bekalan barangan dan perkhidmatan di setiap peringkat bekalan, daripada pembekal sehingga ke peringkat peruncit. GST dicadangkan bagi menggantikan cukai penggunaan semasa iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem percukaian sedia ada. Sehingga kini, terdapat sebanyak 160 buah negara di serata dunia telah melaksanakan GST. Negara-negara yang telah melaksanakan GST ini membuktikan bahawa sistem cukai tersebut lebih baik kerana ia lebih berkesan, cekap, telus, mesra perniagaan dan boleh merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan daya saing dalam pasaran global.

Koperasi turut tidak terkecuali daripada dikenakan GST dan pelaksanaannya akan memberi kesan terhadap pelayanan perakaunan dan kewangan koperasi. Oleh itu, program ini diharap dapat memberi kefahaman kepada pihak pengurusan koperasi

mengenai GST dan kesannya terhadap perakaunan dan kewangan koperasi.

Sehubungan itu Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah mengambil inisiatif menganjurkan, program *Bicara Profesional* bertajuk “Implikasi GST kepada Perakaunan dan Kewangan Koperasi” pada 9 April 2014 bertempat di Swiss Garden Resort & Spa Lumut, Perak. Program yang diselenggarakan oleh Pusat Perakaunan dan Kewangan (ACTIF) ini telah dihadiri oleh seramai 250 orang koperator dari negeri Perak dan Selangor.

Objektif program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai konsep dan pelaksanaan *Goods and Services Tax (GST)* dan memberi kefahaman mengenai isu dan kesan pelaksanaan GST kepada perakaunan dan kewangan koperasi.



Sesi soal jawab di antara peserta dengan pembentang kertas kerja



Para koperator sedang tekun mendengar pembentangan kertas kerja

Pembentang kertas kerja bagi tajuk ini didatangkan khas daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia iaitu Puan Fauziah binti Abu Zarim, Timbalan Pengarah Kastam Kanan II di Unit Tugas-Tugas Khas GST yang beribu pejabat di Putrajaya. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang percukaian termasuk GST. Kertas kerja yang beliau bentangkan mengupas maklumat asas mengenai GST seperti takrifan, elemen asas dan model GST yang akan dilaksanakan di Malaysia bermula tahun 2015. Selain itu, beliau juga mendedahkan peranan serta persediaan yang perlu dilakukan oleh koperasi untuk menghadapi GST terutamanya dalam aspek perakaunan dan kewangan. Pembentangan kertas kerja telah diakhiri dengan sesi soal jawab antara pembentang dengan para peserta yang amat berminat untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai tajuk yang dikupas.

KEMELUT KENAIKAN HARGA BARANGAN:

PERANAN KOPERASI



Perasmian oleh Datuk Nik Ali Mat Yunus

oleh : **Sharifah Shuzaida Saedin**
Pusat Konsultasi Koperasi

mikro dan kecil. Oleh yang demikian, bagi mengatasi kemelut ini, gerakan koperasi seharusnya memainkan peranan yang penting dan mampu dilihat sebagai sebuah agen yang dapat menangani isu kenaikan harga dengan berkesan. Gerakan koperasi perlu bertindak dengan proaktif dan lebih bijak agar kedudukan anggota terbelah dan koperasi mampu pergi lebih jauh dengan mengambil peluang daripada apa yang berlaku sebagai cabaran untuk menaikkan kedudukan koperasi di peringkat yang lebih tinggi seperti kata pepatah *"Di mana tembilang terhentak, di situ cendawan tumbuh"*.

Bagi memberi kefahaman tentang isu ini dengan lebih mendalam, Pusat Konsultasi Koperasi mengambil inisiatif mengadakan program Bicara Profesional bertajuk "Kemelut Kenaikan Harga Barang: Peranan Koperasi" di Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam pada 27hb Mac 2014. Program separuh hari ini telah berjaya menarik kehadiran peserta seramai 160 orang yang terdiri daripada Anggota

Dasawarsa ini, harga barangan keperluan harian semakin meningkat. Kenaikan harga yang melanda seluruh negara amat membebankan golongan pengguna khususnya golongan pekerja biasa dan berpendapatan rendah. Hal ini menyebabkan berlakunya peningkatan indeks harga pengguna dan seterusnya akan melonjakkan kadar inflasi kepada tahap lebih tinggi. Keadaan ini semakin sukar untuk dibendung dan terus menjadi perbualan yang hangat di warung kopi sehingga ke sidang parlimen.

Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan ini memberi tekanan yang tinggi kepada golongan berpendapatan rendah kerana kuasa

beli mereka semakin berkurangan dan pendapatan benar mereka menjadi semakin berkurangan. Namun, bukan golongan ini sahaja yang merasa terhimpit bahkan tekanan ini juga turut dirasai oleh golongan peniaga-peniaga kecil akibat menanggung kos-kos pembuatan dan pemprosesan yang dipindahkan oleh pengeluar kepada mereka.

Dalam hal ini, gerakan koperasi menanggung kesan yang besar disebabkan koperasi dianggotai oleh anggota yang juga merupakan pengguna. Koperasi sendiri berperanan sebagai pengeluar dan pembekal perkhidmatan dan 80% koperasi terdiri daripada koperasi



Dari kiri: Tn Hj Osman Ismail, Pn Hjh Nurizah Noordin, Dr Hayati Md Salleh



Sesi soal jawab

Lembaga Koperasi, pengurus dan penyelia koperasi, pegawai-pegawai agensi yang menyelia koperasi dan anggota koperasi. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab koperasi dalam menangani isu kenaikan harga barang dan mengenal pasti peluang dan cabaran yang boleh diambil oleh koperasi kesan kenaikan harga barang.

Program ini telah diserikan dengan kehadiran Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Datuk Nik Ali bin Mat Yunus sebagai perasmi program tersebut. Turut hadir ialah Pn. Norwatim Abd. Latiff, Pemangku Ketua Pengarah merangkap Timbalan Ketua Pengarah Akademik, MKM.

Sepanjang program berlangsung, dua kertas kerja telah dibentangkan oleh dua (2) orang panel yang berpengalaman iaitu Tn. Hj Osman bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

sebagai panel pertama dengan kertas kerja yang bertajuk “Peranan Gerakan Koperasi Dalam Menangani Peningkatan Kos Sara Hidup” dan panel kedua iaitu Dr Hayati binti Md Salleh daripada Koperasi Pekebun Kecil Batu Pahat dengan kertas kerja bertajuk “Kemelut Harga Barang: Peluang dan Cabaran Koperasi”. Pembentangan kertas kerja ini telah dikendalikan oleh Pn. Hjh Nurizah binti Noordin, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, MKM.

Panel pertama, Tn. Hj Osman bin Ismail, telah mengupas faktor-faktor yang mempengaruhi kenaikan harga barang dengan begitu terperinci. Rentetan daripada itu, koperasi dilihat mempunyai 11 kekuatan utama yang mampu dimanfaatkan untuk menangani kenaikan kos sara hidup. Antara perkara yang penting disentuh oleh beliau ialah usaha memperkasa dan memanfaatkan sepenuhnya rangkaian pemasaran koperasi sedia ada melalui subsidiari koperasi yang dilantik atau 12 koperasi yang dilantik sebagai DC, mewujudkan

pusat pengumpulan pelbagai hasil koperasi, menggalakkan pengeluaran produk di bawah jenama COOP1M, menggalakkan penyertaan koperasi dalam perdagangan *barter trade* dengan memanfaatkan keistimewaan *IMT-GT* dan zon perdagangan bebas.

Selain itu koperasi juga disarankan untuk menyediakan pakej insentif kepada koperasi dalam perdagangan pengedaran yang berupaya menawarkan harga patut kepada pengguna dalam mengimbangi kos sara hidup, mewujudkan model ekosistem rantaian perniagaan koperasi yang memberi kesan kepada kecekapan pengedaran dan mengawal kenaikan harga barangan dan penglibatan koperasi secara keseluruhan dalam rantaian nilai koperasi.

Bagi pembentang yang kedua pula, Dr Hayati binti Md Salleh, aspek yang sangat ditekankan oleh beliau ialah peluang yang perlu direbut oleh koperasi dalam parameter koperasi bukan sebagai orang tengah atau



Pendaftaran peserta



Penyampaian cenderahati oleh Pn Norwatim Hj Abd Latiff kepada Datuk Nik Ali Mat Yunus

pelabur tetapi sebagai pembekal utama produk dan perkhidmatan. Berasaskan peluang ini, pelbagai isu telah ditimbulkan oleh pembentang kertas kerja terhadap kebolehan dan keupayaan koperasi dalam mengambil peluang yang telah tersedia ini untuk difikirkan secara mendalam oleh para koperator dan pemimpin gerakan koperasi. Selaras dengan isu yang ditimbulkan, panel turut mempersoalkan kedudukan tahap koperasi di Malaysia ketika ini sama ada koperasi hari ini berada di kedudukan biasa-biasa atau baik atau sangat baik. Hal ini dirujuk kepada cabaran yang terdapat dalam gerakan koperasi itu sendiri

antara yang disebut ialah masalah pentadbiran koperasi yang tidak berkesudahan dari sudut tadbir urus dan efisien Anggota Lembaga Koperasi.

Berdasarkan kedua-dua pembentangan ini, dapat disimpulkan bahawa koperasi hendaklah mengambil langkah agresif dan proaktif dalam menangani isu-isu sebegini terutamanya dalam aspek kebolehjangkaan pasaran dan ekonomi semasa. Tindakan awal perlu diambil bagi mengelakkan kegawatan dalam perjalanan aktiviti koperasi kerana hal-hal sebegini

melibatkan kedudukan kewangan dan pengekaln daya saing koperasi sebagai salah satu pemain industri yang penting.

Program sebegini diharapkan dapat memberi impak dan kesan kepada peserta yang hadir agar mereka mengambil inisiatif yang berkesan dalam membantu meningkatkan daya saing perniagaan koperasi seterusnya memastikan koperasi dapat menangani isu-isu semasa terutamanya terhadap kenaikan harga barang agar tujuan dan matlamat berkoperasi itu sendiri dapat direalisasikan.



Peserta sedang mendengar ceramah yang disampaikan



Program Kolokium MKM mula diadakan secara tahunan sejak 2009 lagi sebagai platform bagi kakitangan akademik Maktab Koperasi Malaysia (MKM) khususnya, untuk membentangkan hasil kajian kes yang telah dijalankan dari dalam mahupun luar negara. Bagi tahun

2014, program Kolokium ini telah diadakan di Hotel Avillion Legacy, Melaka pada 22-23 Mei 2014 anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RnI).

Program selama dua hari ini dihadiri oleh seramai 75 orang peserta yang

terdiri daripada Timb.Ketua Pengarah (Akademik), Pengarah Pusat dan Cawangan, Pegawai Latihan daripada MKM Petaling Jaya, Cawangan Sabah, Sarawak, Utara, Timur, Selatan, dan juga termasuklah tujuh orang peserta daripada agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

Jadual 1: Senarai nama koperasi dan pembentang kajian kes yang dibentangkan pada Kolokium MKM 2014

NAMA KOPERASI	NAMA PEMBENTANG
Co-operative Bank in India	i) Hj. Ramlan Kamsin ii) Pn. Siti Maimunah Jerni
Livestock Cooperative in Beijing, China	i) Pn. Sharifah Shuzaida Saedin ii) Pn. Salwana Ali
National Economic-Technical College (NETC), Vietnam	i) En.Hamzah Mohd Nadzir ii) Pn.Azmaliza Arifin
Koperasi Pertanian Chiba- Midori, Jepun	i) Pn. Juliana Md. Yusop ii) Cik Nur Syazwani Zainul Abidin
Koperasi Pertanian Thailand	i) Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan ii) Pn Arfizawati Abd Hadi iii) En. Dino Faizal Abdullah
Koperasi Orang Asli Tangkai Cermin	i) Pn. Juliana Md Yusop
Hangberg Seafood Product Co-operative, South Africa	i) Pn. Norwatim Hj Abd Latiff ii) Pn. Hjh Nurizah Noordin
Koperasi Angkatan Tentera Bhd (KATMB)	i) Pn. Azlifah Abas ii) Pn. Nor Azlina Kasim
Koperasi Felcra Seberang Perak	i) Pn. Azmaliza Arifin ii) Cik Nur Shuhada Mohd Ali
Koperasi Jawi	i) Pn. Roziah Mohamed



Ucapan perasmian oleh Pn.Norwatim Hj.Abd Latiff, Pemangku Ketua Pengarah, MKM

dan Kepenggunaan (KPDNKK), iaitu wakil dari Bahagian Pembangunan Koperasi (seorang), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Ibu Pejabat (tiga orang), SKM cawangan Melaka (seorang), ANGKASA Pusat (seorang) dan Perhubungan ANGKASA Negeri Melaka (seorang). Program ini telah dimulakan pada jam 2.00 petang dengan upacara perasmian yang telah disempurnakan oleh Pn. Norwatim Hj. Abdul Latiff, Pemangku Ketua Pengarah MKM.

Keseluruhan program ini dibahagikan kepada tiga sesi pembentangan, iaitu, sebanyak empat pembentangan telah dijalankan pada sesi pertama (sebelah petang), dua pembentangan pada sesi kedua (sebelah malam) dan empat lagi baki pembentangan dijalankan pada sebelah pagi, pada hari keduanya. Sebanyak 10 pembentangan telah



Sesi soal jawab oleh peserta program Kolokium



Sesi pembentangan kajian kes oleh Pegawai Latihan MKM

dijalankan yang terdiri daripada enam kajian kes kisah kejayaan koperasi luar negara dan empat kajian kes penyelesaian masalah koperasi dalam negara, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Pada akhir setiap sesi pembentangan, sesi soal jawab telah diadakan bagi memberi peluang kepada peserta-peserta mengemukakan pertanyaan atau pandangan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai matlamatnya menerusi pembentangan dan perkongsian idea dalam kalangan peserta. Pendedahan terhadap perkembangan koperasi luar negara ini amat penting bukan sahaja kepada gerakan koperasi tetapi juga kepada semua Pegawai Latihan MKM bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk mengendalikan program latihan secara lebih berkesan dengan penggunaan contoh-contoh daripada aktiviti-aktiviti dan amalan terbaik (best practices) koperasi yang sudah berjaya di seluruh dunia. Dari segi mutu pembentangan, Pemangku Ketua Pengarah (PKP) berpuas hati dengan isi dan gaya penyampaian semua pembentang. Untuk meningkatkan



Antara peserta program Kolokium 2014 yang hadir

imej Pegawai Latihan MKM di mata pihak luar, PKP menyarankan agar Program Kolokium MKM akan datang dijalankan dalam Bahasa Inggeris supaya pengalaman ini dapat dijadikan sebagai *platform* kepada Pegawai Latihan MKM dalam mempersiapkan diri untuk menyertai program di luar negara sebagai pembentang kertas kerja kajian kes di peringkat antarabangsa.



Sesi penyampaian cenderamata



**PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN DI
PERSIDANGAN ANTARABANGSA
“ 2014 BALI EURASIAN
ACADEMIC CONFERENCE ”
DI BALI, INDONESIA**

oleh : Azlifah Abas
Pusat Teknologi, Maklumat dan Komunikasi

East West Institute menganjurkan persidangan penyelidikan akademik yang diadakan di Bali, Indonesia pada 18 hingga 21 Mei 2014. Persidangan ini berfokus kepada bidang Perniagaan & Ekonomi, Kewangan dan Pengurusan, Sains Sosial dan Kemanusiaan dan Pendidikan dan Pengajaran. Dua orang pensyarah MKM yang terlibat dalam pembentangan hasil penyelidikan ini ialah Pn. Aishah Ariffin yang membentangkan penyelidikan bertajuk “An Examination of Internal Control System Among Malaysian Credit Co-operatives”, dan Pn. Azlifah Abas yang membentangkan penyelidikan bertajuk “Training Need Analysis For Malaysian Credit Co-operatives”.

Persidangan ini adalah sebagai satu platform untuk warga akademik dan penyelidik mengemukakan idea-idea dan perbincangan mengenai penyelidikan yang meliputi soal ekonomi dan budaya dari benua Eropah dan Asia. Paparan kajian dapat dikumpul untuk dijadikan asas kepada penerbitan alademik. Hasil daripada pembentangan ini, penyelidikan yang memenuhi kriteria pemilihan dalam penghasilan jurnal akan dimasukkan ke dalam jurnal seperti berikut:

- Journal of WEI Business and Economics (JWEIBE)
- West East Journal of Social Sciences (WEJSS)

Sebanyak 70 penyelidikan dibentangkan dalam tiga (3) bilik pembentangan yang berasingan dan berjalan secara serentak. Tiga bilik pembentangan ini berfokus kepada tiga bidang objektif persidangan ini. Pembentang penyelidikan ini terdiri daripada mereka yang telah atau sedang menjalankan penyelidikan di universiti dari pelbagai negara. Antara negara yang terlibat Amerika Syarikat, Kanada, Oman, Thailand, Australia, Hong Kong, India, Turki, Taiwan, Nigeria, Arab, Filipina, Libya, Bosnia, Singapura, Indonesia dan Malaysia. Setiap pembentang diberi masa selama 15 hingga 20 minit pembentangan termasuk sesi soal jawab.



Sebahagian pembentang penyelidikan dari seluruh negara



Pn. Aishah Ariffin



Pn. Azlifah Abas



HARI INOVASI DAN PERHIMPUNAN Warga Kerja Maktab Koperasi Malaysia 2014

oleh: Wan Nur/Ain Wan Abd Rahman
Unit Sumber Manusia

Maktab Koperasi Malaysia telah membuktikan komitmen terhadap usaha-usaha dalam menyemarakkan lagi budaya kreativiti dan inovasi di kalangan warga kerjanya dengan penganjuran Hari Inovasi dan Perhimpunan Warga Kerja MKM 2014 pada 29–30 Januari 2014 di Hotel Thistle Port Dickson, Negeri Sembilan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dr. Ahmad Zahiruddin Bin Yahya, Mantan Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia.

Majlis memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada semua warga MKM yang telah menyumbang idea kreatif dan inovatif dalam pembangunan MKM di samping untuk mengeratkan lagi silaturahim antara semua warga kerja MKM.

Pengisian program telah dimulakan dengan Sesi Ceramah bertajuk Inovasi dan Kreativiti oleh Ir. Hj. Mohammad Mokhtar Bin Mohd Ali, Pengurus Besar (Bersara) TNB Distribution, Johor. Di akhir sesi ceramah beliau, para peserta dapat memahami dengan lebih mendalam hubungan antara inovasi dan pemikiran, cara-cara untuk mengamalkan idea kreatif dan inovatif di tempat kerja dan cabaran atau halangan dalam merealisasikan idea kreatif dan inovatif di tempat kerja.

Seterusnya program diteruskan dengan sesi ceramah bertajuk Kerja Berpasukan oleh En. Saiful Amin Jalun penceramah daripada Trillion Asia. Di akhir sesi ceramah tersebut, para peserta dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai 'Personal

Leadership', prinsip dan matlamat untuk menuju kejayaan. Pada sebelah malamnya pula telah diadakan majlis perasmian serta penyampaian hadiah kepada para pemenang anugerah. Anugerah sempena Hari Inovasi dan Perhimpunan Warga Kerja MKM 2014 terdiri daripada Pertandingan 5S, Pertandingan Khidmat Kaunter Terbaik, Pertandingan Idea Inovasi Terbaik dan Pertandingan Cadangan Terbaik.

Pada malam itu juga majlis turut diserikan dengan acara sukaneka, cabutan bertuah, pakaian beragam, persembahan Koir MKM dan persembahan nyanyian daripada warga kerja MKM. Acara diteruskan lagi pada 30 Januari 2014 dengan senamrobik, senam tari poco-poco dan aktiviti berpasukan.

HARI INOVASI DAN PERHIMPUNAN WARGA MKM 2014

29 JAN 2014



HARI INOVASI DAN PERHIMPUNAN WARGA MKM 2014

29 JAN 2014



HARI INOVASI DAN PERHIMPUNAN WARGA MKM 2014

29 JAN 2014



LAWATAN KURSUS PENGURUSAN PENGELUARAN AYAM PEDAGING

25 FEB 2014



LAWATAN KURSUS PELADANG 19 MAC 2014



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MADA DAN MKM

5 MEI 2014



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 25 MEI 2014



TRAINING EFFECTIVENESS ANALYSIS (TEA)

4 JUN 2014





Pada 29 Mei 2014, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM Tahun 2013 telah diadakan di Auditorium Dato' Abdul Majid, Maktab Koperasi Malaysia. Majlis yang berprestij ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan. Turut hadir YBhg. Dato' Haji Azmi Bin Lateh, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), YBhg. Dr. Mohd Khalid bin Abdul Samad, Pengarah Bahagian Pembangunan Koperasi, KPDNKK, YBhg. Datuk Hj. Md Yusof Bin Samsudin, Pengerusi Lembaga MKM, ahli-ahli lembaga, Pengurusan Tertinggi MKM, Pengarah Pusat dan

Cawangan, Penolong Pengarah Unit, Ketua Unit dan warga kerja MKM.

YB Timbalan Menteri mengingatkan bahawa pengiktirafan yang diberikan merupakan pembakar semangat untuk sentiasa meningkatkan mutu kerja, berdisiplin, berintegriti dan berorientasikan pencapaian. Sebagai penjawat awam pengiktirafan seperti ini merupakan satu amanah yang telah diberikan dan perlu dipikul dengan ikhlas dan penuh bertanggungjawab. Ini kerana seluruh rakyat memerlukan bimbingan dan satu sentuhan daripada penjawat awam untuk melaksanakan apa sahaja amanah yang telah diberikan. Selain itu, sebagai salah satu agensi di bawah KPDNKK, menjadi tanggungjawab semua warga kerja MKM untuk meningkatkan tahap keyakinan rakyat terhadap KPDNKK



YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah

seterusnya memberi persepsi yang terbaik terhadap KPDNKK amnya dan MKM khususnya. MKM juga perlu sentiasa mempertingkatkan sistem penyampaian khidmat kepada pelanggan di samping mendepani tuntutan pelanggan dan ekspektasi pelanggan agar MKM sentiasa



Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff merupakan salah seorang penerima Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa (30 tahun)



En. Haris bin Mohd Alwi (kanan) menerima Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa (40 tahun)

cemerlang, gemilang dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Beliau mengakhiri ucapan dengan mengingatkan semua warga kerja MKM amnya dan penerima anugerah khususnya agar sentiasa mempamerkan prestasi yang konsisten di masa akan datang dengan mengekalkan perkhidmatan cemerlang di samping meningkatkan lagi kualiti kerja dengan mengekalkan sifat-sifat murni dan profesionalisme. Pengiktirafan yang diberikan dijadikan sebagai rangsangan untuk memberikan lonjakan kepada kualiti perkhidmatan di masa hadapan. Jangan direnung letihnya usaha tetapi renunglah manisnya kejayaan. Selain itu, beliau juga mengingatkan dalam melaksanakan sesuatu kerja, seorang pegawai itu perlu melaksanakannya dengan memberikan sepenuh komitmen tanpa mengharapkan sebarang pengiktirafan. Ini selaras dengan mentransformasikan sistem

penyampaian perkhidmatan seterusnya mencapai hasrat MKM sebagai peneraju dalam pendidikan dan latihan koperasi di peringkat yang lebih tinggi.

Seramai 18 orang pegawai dan warga kerja MKM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2013. Manakala seramai enam orang pegawai dan warga

kerja MKM telah menerima Anugerah Ketua Pengarah. Penghargaan tersebut diberikan kepada mereka yang komited dalam melaksanakan amanah dalam penghasilan kerja yang berkualiti dan cemerlang. Penghargaan juga diberikan kepada 10 orang pegawai dan warga kerja MKM yang telah menabur jasa dan bakti selama 25, 30 dan 40 tahun di MKM.



Pn. Nor Akma Abu Talib telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013

Senarai penerima anugerah adalah seperti berikut :

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

- | | |
|---|--|
| 1. Puan Rohalinda binti Ahad | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 2. Cik Dayang Adelina binti Abang Hj. Mu'an | Pegawai Tadbir Gred N41 |
| 3. Puan Yusnita binti Othman | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 4. Cik Norhazilina binti Abdul Halim | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 5. Encik Frank Anak Me-ol @Frank Me-ol bin Abdullah | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 6. Puan Shamsiah binti Syamsudin | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 7. Puan Nor Arma binti Abu Talib | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 8. Puan Norafidah binti Ismail@Yaacob | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 9. Encik Md Nasrein bin Islah | Pen. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32 |
| 10. Encik Suhazli bin Saari | Penolong Juruaudit Gred W32 |
| 11. Encik Mohammed Hayqal bin Mahmud Nor | Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 |
| 12. Encik Mohamad Syahman bin Ramli | Juruteknik Komputer Gred FT22 |
| 13. Encik Haris bin Mohd Alwi | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 |
| 14. Puan Rattna Mas Ayu binti Mohd Yusoff | Pembantu Akauntan Gred W17 |
| 15. Puan Syazwani binti Shamsuddin | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 |
| 16. Encik Muhammad Azri bin Kamis | Pembantu Operasi Gred N11 |
| 17. Encik Jamil Azmal bin Abd Rani | Pembantu Operasi Gred N11 |
| 18. Encik Mustakeen bin Mohammad Radzi | Pembantu Operasi Gred N1 |

ANUGERAH KETUA PENGARAH

- | | |
|--|--------------------------------|
| 1. Puan Hajah Nurizah binti Noordin, AMN | Pegawai Latihan Gred E48 |
| 2. Encik Mohd Safa'ai bin Said | Pegawai Latihan Gred E52 |
| 3. Encik Ngadi @ Ngapdi bin Robin | Pegawai Latihan Gred E48 |
| 4. Puan Khadijah binti Ahmad | Penolong Akauntan Gred W27 |
| 5. Puan Nurul Izza binti Zamuri | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 |
| 6. Encik Anuar bin Shamsuddin | Pembantu Operasi Gred N11 |

ANUGERAH KHIDMAT SETIA BERJASA

40 TAHUN (1973)

- | | |
|------------------------------|--------------------------------|
| 1. Encik Haris bin Mohd Alwi | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 |
|------------------------------|--------------------------------|

30 TAHUN (1983)

- | | |
|--|------------------------------------|
| 1. Encik Mohd Idris bin Malek | Pemb. Penyediaan Makanan Gred N17 |
| 2. Puan Rokiah binti Omar | Pembantu Operasi Gred N11 |
| 3. Puan Norwatim binti Hj. Abd Latiff, SSP | Pegawai Latihan Gred E54 |
| 4. Puan Hazimah binti Ramli | Pereka Gred B22 |
| 5. Puan Nurizah binti Noordin, AMN | Pegawai Latihan Gred E48 |
| 6. Encik Mohd Safa'ai bin Said | Pegawai Latihan Gred E52 |
| 7. Encik Zakaria bin Hassan | Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17 |
| 8. Puan Fadzilah binti Ahmad | Pembantu Akauntan Gred W22 |

25 TAHUN (1988)

- | | |
|----------------------------------|---------------------------|
| 1. Encik Mohamad Sam bin Rokiman | Pembantu Operasi Gred N11 |
|----------------------------------|---------------------------|

Majlis Sekalung Budi

Setiap pertemuan pastinya akan ada perpisahan. Di mana ada awal pasti akan ada akhir. Begitulah lumrah kehidupan ini. Apabila tiba masanya, semuanya akan pergi. Kepada warga kerja Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang telah bersara, kami ucapkan dengan ucapan jutaan terima kasih kerana pernah berkhidmat, berjasa dan bersama kami di MKM. Atas jalinan ukhuwah yang dibentuk sangatlah kami hargai.

Untuk setengah tahun terawal 2014, terdapat beberapa pegawai MKM telah bersara. Pegawai-pegawai yang dimaksudkan ialah En. Mohd Hanapi bin Pandak Ahmad, En. Mohd Safa'ai bin Said, Pn. Hajah Nurizah binti Nordin, Dr. Hjh Jamilah binti Din dan Pn. Rokiah binti Omar. Sikap pegawai-pegawai ini yang berdedikasi terhadap tugas dan bertanggungjawab, serta pada masa yang sama berpegang teguh pada prinsip perlu dihargai. Malah sikap sendiri mereka yang boleh dibawa

berbincang, memahami, dan sentiasa berusaha mempermudah urusan adalah kualiti yang perlu dicontohi dan diteladani oleh kita semua.

Sebagai menghargai jasa dan sumbangan pegawai-pegawai tersebut, MKM telah mengadakan Majlis Sekalung Budi sebagai tanda perpisahan serta penghargaan kepada semua pegawai ini. Majlis-majlis ini telah diadakan di Dewan Siantan MKM dan dihadiri oleh warga kerja MKM.



ENCIK HANAPI BIN PANDAK AHMAD
1 Julai 2004 - 26 Februari 2014



ENCIK MOHD SAFA'AI BIN SAID
4 Julai 1983 - 30 April 2014



PUAN HAJAH NURIZAH BINTI NORDIN
13 Jun 1983 - 01 Jun 2014



DR. HAJAH JAMILAH BINTI DIN
01 April 1985 - 01 Julai 2014



PN. ROKIAH BINTI OMAR
18 Mei 1983 - 31 Julai 2014

Seminar “Jaringan Kerjasama Strategik: Ke Arah Peningkatan Keberhasilan Koperasi”

Oleh : Christopher John Baptist
Frank Me-ol



Sudah tiba masanya koperasi Sharus berani berdepan dengan Samudera Lautan Biru. Koperasi mesti segera bangkit seiring dengan kehendak arus dunia perniagaan masa kini. Apa yang penting koperasi tidak lagi relevan berada atau merasa selesa dengan pemikiran dalam kotak tetapi bertindak lebih proaktif dan memperkasa pemikiran di luar kotak. Demikianlah rumusan yang telah disampaikan oleh penceramah sesi pertama Dr. Dusit Jaul, Penyelaras Program Kanan INTAN Sarawak.

Seminar selama dua hari anjuran MKM Cawangan Sarawak ini telah diadakan pada 10 – 11 Disember 2013 di Hotel Four Points Sheraton Kuching. Seramai 371 koperator di seluruh negeri Sarawak termasuklah koperator

dari negara Brunei Darussalam telah menghadiri seminar ini.

Antara objektif seminar ini adalah untuk menerangkan peranan sektor kerajaan dalam menggalakkan jaringan kerjasama strategik oleh koperasi, merungkai strategi dan mewujudkan peluang jaringan kerjasama strategik di kalangan sektor koperasi, swasta dan kerajaan dan Berkongsi pengalaman koperasi yang telah berjaya melalui jaringan kerjasama strategik. Dalam seminar ini sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan. Kertas kerja yang pertama adalah mengenai Strategi Samudera Lautan Biru yang telah disampaikan Dr. Dusit Jaul dari INTAN Sarawak. Kertas kerja yang kedua adalah mengenai Jaringan

Kerjasama Strategik: Perspektif Dasar Koperasi Negara Kedua (II) yang telah disampaikan oleh Puan. Mahalatchemee a/p Manickam Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Kertas kerja ketiga adalah mengenai Perkongsian Pengalaman Jaringan Kerjasama Strategik yang telah disampaikan oleh En. Mohd Hasim bin Abdul Hamid, Pengerusi Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad, Sabah. Manakala kertas kerja yang keempat juga adalah mengenai Perkongsian Pengalaman Jaringan Kerjasama Strategik oleh En. N. Kathiresan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif National Land Finance Cooperative



En. Ngadi Robin (kiri), Pengarah MKM Cawangan Sarawak sebagai moderator

Society Limited. Kertas kerja kelima mengenai Peluang Kerjasama Strategik : Peluang Koperasi Oleh En. Mohd Anuar bin Hanip, Ketua Unit Pengurusan Tanah dan Institusi FELCRA Sarawak yang mengupas isu juga peluang kerjasama yang boleh dibangunkan di antara koperasi dengan FELCRA. Kertas kerja terakhir pula disampaikan oleh Datuk Wira (Dr.) Hj Ameer Ali Mydin, Pengarah Urusan MYDIN Mohamed Holdings Berhad yang turut berkongsi peluang kerjasama di antara koperasi dengan MYDIN Holdings Berhad.

Pada hari pertama pada sebelah malamnya pula, perisian program telah diserikan lagi dengan Majlis Makan Malam “Nostalgia 15 Tahun MKM Sarawak Bersama Koperasi”. Program dan majlis Makan Malam ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia Dr. Ahmad Zahiruddin bin Yahya. Pelbagai atur cara telah disusun untuk menyerikan lagi majlis makan malam ini. Antara lain adalah persembahan istimewa Graduan Sijil Pengurusan Koperasi (SPK) Sesi Julai 2011, penyampaian

Sijil Penyertaan kepada Pelajar Sijil Pengurusan Koperasi (SPK) Sesi Julai 2011, penyampaian Anugerah Koperator Terbaik (Penyertaan) dan Anugerah Koperasi Terbaik (Sokongan Teknikal), Pelajar Terbaik Sijil Pengurusan Koperasi (SPK) Sesi Julai 2011 dan Pingat Jasamu Dikenang kepada dua orang kakitangan pertama Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak. Majlis Makan Malam ini juga telah dihangatkan lagi dengan acara nyanyian ‘live band’ dan karaoke oleh kakitangan dan para tetamu jemputan.

Di akhir seminar, satu sesi forum telah diadakan di mana tiga ahli panel telah dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka masing-masing terhadap tajuk seminar iaitu Jaringan Kerjasama Strategik: Ke Arah Peningkatan Keberhasilan Koperasi”. Antara ahli panel forum tersebut adalah Dr. Dusit Jaul dari INTAN Sarawak, Encik Kamri bin Mustapha daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak dan Encik N. Kathiresan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif National Land Finance Cooperative Society Limited. Forum seminar kali ini telah dipengerusikan oleh Encik Christopher John Baptist, Pegawai Latihan Kanan Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak. Sebanyak tujuh soalan telah dikemukakan kepada panel forum dan antara soalan yang hangat dibincangkan adalah berkenaan dengan peluang-peluang koperasi melibatkan diri dalam Jaringan Kerjasama Strategik. Seminar ini tamat pada jam 12.45 tengah hari dan majlis penutupan secara ringkas telah disempurnakan oleh En. Ngadi bin Robin, Pengarah Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak.



Peserta mengajukan soalan berkenaan peluang-peluang Koperasi melibatkan diri dalam Jaringan Kerjasama Strategik

Bicara Profesional

Percukaian Barangan dan Perkhidmatan (GST)

Oleh : Adila Hashim
MKM Cawangan Selatan



Ceramah yang disampaikan oleh
En. Azmi bin Shahid

Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan (MKMCS) telah berjaya melaksanakan program Bicara Profesional yang bertajuk “Percukaian Barangan Dan Perkhidmatan” atau lebih dikenali sebagai *Goods And Services Tax* (GST) dan Majlis Taklimat Program Latihan MKM 2014. Program tersebut dilaksanakan di dua wilayah Johor iaitu di Kota Tinggi dan Johor Bahru.

Program bagi wilayah Kota Tinggi dijalankan pada 13 Januari 2014 bertempat di Hotel Mayres, Kota Tinggi dan dirasmikan oleh Pengarah MKMCS iaitu Puan Roziah binti Mohamed. Manakala program bagi wilayah Johor Bahru dijalankan pada 16 Januari 2014 bertempat di Hotel New York, Johor Bahru dan

dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Maktab Koperasi Malaysia iaitu Puan Hj. Julia Bee binti Ramjan.

Bicara Profesional GST di Kota Tinggi dan Johor Bahru ini telah disampaikan oleh Tn Hj Azmi bin Shahid. Beliau berpengalaman dalam hal-hal cukai barangan, cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Beliau berkhidmat sebagai Penolong Kanan Pengarah Kastam II di Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Unit GST dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang percukaian.

Percukaian Barangan Dan Perkhidmatan (GST) dipilih kerana topik tersebut sedang menjadi perbualan hangat masa kini dan objektif Bicara Profesional ini adalah untuk menyampaikan maklumat berkenaan GST dan memberi

kefahaman kepada koperator tentang kebaikan pelaksanaan GST.

Antara intipati yang disampaikan oleh penceramah ialah keperluan GST untuk menyusun semula struktur percukaian negara, menjadikan hasil negara lebih stabil dan menjadikan sistem percukaian yang lebih efisien dan efektif.

Di program ini juga berlangsungnya Majlis Taklimat Program Latihan MKM 2014 dimana ia merupakan acara tahunan MKM. Peserta yang hadir telah diberikan kalendar, buku program latihan MKM 2014 dan buku sukatan. MKMCS juga telah membuka kaunter untuk menerima borang permohonan kursus secara terus daripada peserta yang hadir. Secara keseluruhan, seramai 250 orang koperator telah menghadiri program tersebut.



Sebahagian peserta yang hadir

Mesyuarat Agung Tahunan KOPERASI PELAJAR MAKTAB KOPERASI MALAYSIA BERHAD (KOPEL)

oleh: Siti Naqiah Aarif
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi



Pada 8 Februari 2014, telah berlangsung Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pelajar Maktab Koperasi Malaysia Berhad (KOPEL) kali ke-3 bagi sesi 2014. Mesyuarat Agung yang diadakan di auditorium Dato' A. Majid Maktab Koperasi Malaysia (MKM) ini melibatkan para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Bidang Tumpuan Koperasi MKM-UUM dan juga pelajar Diploma Pengurusan Koperasi yang menjadi anggota.

Mesyuarat ini dimulakan dengan perasmian yang disempurnakan oleh Tn. Hj. Ramlan Bin Kamsin, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi (iCOOP) Maktab Koperasi Malaysia. Beliau berharap agar Koperasi Pelajar Maktab Koperasi Malaysia Berhad (KOPEL) ini dapat dijadikan

sebagai platform oleh pelajar dalam mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di MKM dan menjadikan KOPEL sebagai koperasi yang berjaya dan berdaya saing. Para pelajar juga dilihat sangat bertuah kerana berpeluang mempraktikkan apa yang dipelajari dan mengaplikasikannya secara serentak dan hal ini sukar diperolehi di institusi pendidikan yang lain.

Banyak isu yang dibangkitkan oleh anggota KOPEL dalam mesyuarat agung KOPEL kali ini. Antaranya ialah laporan kewangan KOPEL serta pembubaran Anggota Lembaga Koperasi (ALK) lama kepada ALK yang baru bagi sesi 2014. Seramai 9 orang anggota telah dilantik sebagai Anggota Lembaga Koperasi yang baharu.

Mesyuarat ini ternyata menjadi sebuah platform yang berkesan dalam melahirkan pengurus-pengurus koperasi yang dapat menjadi penggerak utama gerakan koperasi. Hal ini dapat dilihat apabila para pelajar melalui sendiri pengalaman menghadiri mesyuarat agung dan sekaligus memainkan peranan dalam menyumbangkan idea dalam meningkatkan ekonomi koperasi mereka sendiri.

Keseluruhannya, diharapkan dengan lantikan ALK yang baharu, KOPEL sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan manfaat kepada anggota-anggotanya. Semoga kerjasama erat antara ALK dengan anggota dan semua pihak akan berterusan demi kemajuan KOPEL dan juga gerakan koperasi amnya.

KSB AMAZING RACE 2014

oleh : Mohammad Syahir Firdaus Roslan
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi



Para peserta melakukan senaman ringkas sebelum menyertai KSB Amazing Race 2014



Para peserta bersedia untuk menyertai KSB Amazing Race 2014

Pada 8 Mac 2014, Kelab Seni Dan Budaya (KSB) di bawah Pusat Pendidikan Tinggi, Maktab Koperasi Malaysia telah mengadakan aktiviti 'KSB Amazing Race 2014' bertempat di Taman Botani Negara, Shah Alam, Selangor. Program ini diketuai oleh saudari Nurul Shuhada binti Zulkifli, Ketua Unit Tarian, Kelab Seni dan Budaya, Maktab Koperasi Malaysia.

Program yang diadakan di luar kampus ini melibatkan seramai 40 orang urus setia dan 50 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) dan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian (Bidang Tumpuan

Pengurusan Koperasi) MKM-UUM. Program 'KSB Amazing Race 2014' ini turut diiringi oleh tiga orang pensyarah Pusat Pendidikan Tinggi termasuklah En. Intiran Harikhrishnan, selaku penyelar KSB.

Tujuan utama program ini diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar merasai aktiviti-aktiviti di luar kampus di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar. Ia juga dilihat dapat memberi pendedahan dan membantu mereka untuk beriadah di luar kawasan kampus sambil mengenali alam sekitar.

Program dimulakan dengan pendaftaran pelajar DPK dan BBA pada pukul 8 pagi dan juga sarapan ringkas. Para peserta diberi taklimat oleh ketua program mengenai peraturan dan atur cara program. Para peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan dan setiap kumpulan diwakili 4 orang peserta. Senaman pagi juga diberikan bagi mengelakkan sebarang kecederaan sepanjang program berlangsung.

Tepat jam 9.00 pagi, penyelar program melepaskan para peserta ke 'check point' yang telah disediakan iaitu sekitar Taman Botani Negara,



Antara cabaran di 'check point' yang perlu dilepasi oleh para peserta

Shah Alam. Urus setia telah meletakkan sebanyak 10 'check point' yang perlu dilalui oleh setiap kumpulan dan 'check point' ini dijaga oleh semua urus setia yang dilantik. Setiap 'check point' mempunyai tugas yang perlu diselesaikan dan akan diberikan denda sekiranya peserta gagal menyelesaikan tugas tersebut. Antara aktiviti di setiap 'check point' ialah main boling dengan menggunakan bola sepak, aktiviti cari benda dalam tepung dan sebagainya. Peserta juga dikehendaki mengedarkan brosur-brosur kepada para pengunjung dalam mempromosikan MKM kepada masyarakat.

Pertandingan 'Amazing Race' ini berakhir tepat jam 12 tengah hari dan pelajar diberi masa selama 2 jam untuk berehat dan bersiar-siar di sekitar Taman Botani sebelum acara penutup

diadakan. Satu perasmian penutup telah diadakan dengan kehadiran Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi (iCOOP), Tn. Hj. Ramlan bin Kamsin. Dalam ucapan penutupan, beliau melahirkan perasaan gembira dengan aktiviti-aktiviti riadah seperti 'KSB Amazing Race' yang diadakan ini dan berharap agar banyak lagi program seperti ini diadakan kerana ia dapat memberi banyak manfaat kepada para pelajar. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Tn Hj. Ramlan bin Kamsin kepada para pemenang yang berjaya menyelesaikan setiap tugas. Tepat jam 5 petang, semua pelajar berkumpul dan bersiap sedia untuk pulang ke MKM.

Secara keseluruhannya, program "KSB Amazing Race" yang dianjurkan oleh Kelab Seni dan Budaya ini dapat memberi impak yang positif kepada para pelajar. Mereka berpeluang untuk menambah ilmu pengetahuan di samping menghiburkan diri seketika daripada tekanan belajar. Selain itu,



Antara cabaran yang perlu dilakukan peserta 'KSB Amazing Race 2014'

program ini juga dapat merapatkan hubungan dan semangat berpasukan antara para pelajar dengan masyarakat Malaysia.



Para pemenang dan urus setia KSB Amazing Race bergambar bersama Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi, Tn. Hj. Ramlan Kamsin (duduk dari kanan)

Persidangan PERWAKILAN GERAKAN PENGGUNA SISWA KEBANGSAAN 2014

oleh: Harismanto Tamrin
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi



Para pelajar yang mewakili Persidangan Perwakilan Gerakan Pengguna Kebangsaan bergambar bersama Pn. Norwatim Abd Latiff (TKPA), MKM

Pada 13 Mac 2014, telah berlangsung satu persidangan perwakilan Gerakan Pengguna Siswa Kebangsaan dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang disertai seramai 700 pelajar dari 157 institut pendidikan tinggi (IPT) bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Persidangan yang berlangsung selama tiga hari ini turut dihadiri oleh empat orang pelajar Maktab Koperasi Malaysia yang mewakili Gerakan Pengguna Siswa (GPS) Maktab Koperasi Malaysia iaitu saudara Harismanto Bin Tamrin (BBA Sem 3), saudara Mohd Hazwan Hidayat Bin Razaini (BBA Sem 3), Muhammad Irfan Che Sepian (BBA Sem 2) dan Mohamad Azri Firdaus Mat Jusoh (BBA Sem 2)

Persidangan ini merupakan persidangan kali ke-3 sebagai kesinambungan dari kejayaan persidangan seumpamanya pada

tahun 2012 dan 2013. Persidangan ini memacu daya yang lebih jitu dan komprehensif ke arah memperkasakan suara dan abiliti mahasiswa dalam memperjuangkan isu kepenggunaan pada pelbagai peringkat. Program ini ternyata telah menjadi sebuah platform yang efisien dalam melahirkan pemimpin mahasiswa yang cakna pada budaya kepenggunaan bijak dan berhemah serta mampu menjadi penggerak kepada pengamalan budaya kepenggunaan yang sihat.

Antara objektif persidangan ini adalah memperkukuhkan teras Gerakan Pengguna Siswa dalam memimpin pembinaan budaya kepenggunaan serta memperkasa pengetahuan kepenggunaan dan meningkatkan kredibiliti, kompetensi serta upaya mahasiswa. Selain itu, persidangan juga bertujuan melantik majlis tertinggi perwakilan gerakan pengguna siswa kebangsaan melalui undian daripada setiap perwakilan. Majlis tertinggi

perwakilan Gerakan Pengguna Siswa Kebangsaan dipimpin oleh perwakilan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai pengerusi Gerakan Pengguna Siswa Kebangsaan 2014/2015.

Pelbagai aktiviti yang menarik sepanjang tiga hari persidangan berlangsung antaranya forum wacana minda yang dihadiri oleh ahli-ahli panel yang hebat seperti Norman KRU, Mohd Ezani (pelakon/usahawan), En Syukur (kontraktor OKU). Para panel telah menceritakan pengalaman mereka mengenai kepenggunaan serta semangat kesungguhan mereka dalam bidang yang diceburi. Selain itu, aktiviti 'consumer race' yang disertakan dengan kuiz-kuiz tentang kepenggunaan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Aktiviti ini dilihat sedikit sebanyak memberikan penjelasan mengenai kepenggunaan.

Secara keseluruhannya, persidangan ini banyak memberikan penjelasan dan pendedahan mengenai hak-hak pengguna dengan lebih jelas dan penglibatan mahasiswa terhadap aktiviti kepenggunaan perlu dipergiatkan lagi melalui Gerakan Pengguna Siswa (GPS). Sebagai seorang mahasiswa selaku pengguna, mereka perlulah mengetahui hak-hak seorang pengguna dan dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Penyerahan

Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M)

oleh: Nur Ainna Abdul Ghani
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Pada 19 March 2014 satu majlis penyerahan Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) telah diadakan yang bertempat di Auditorium Abdul Majid, Maktab Koperasi Malaysia. Majlis ini telah dihadiri oleh YBhg. Pn Norwatim Hj Abd Latiff, selaku pemangku Ketua Pengarah. Pemberian Baucar Buku 1

Malaysia ini melibatkan penyerahan baucar buku sebanyak kepada 452 orang pelajar iaitu 330 pelajar peringkat diploma dan 122 pelajar ijazah sarjana muda.

YBhg. Pn. Norwatim Hj Abdul Latiff selaku pemangku Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia, telah



menasihatkan pelajar untuk memaksimumkan sebaik mungkin penggunaan baucar buku ini dengan pelbagai pembelian yang bermanfaat untuk mereka seperti buku pembelajaran, buku motivasi, alat tulis dan sebagainya. Semoga usaha kerajaan ini dapat diteruskan bagi membantu mereka untuk lebih giat berusaha dalam mencapai keputusan yang baik di dalam pelajaran dan seterusnya memperoleh keputusan yang cemerlang.

Setiap pelajar telah diberikan baucar buku sebanyak RM250 seorang. Tujuan utama penyerahan baucar buku ini adalah bertujuan untuk meringankan beban pelajar dari segi kos membeli buku ilmiah mahupun alat tulis. Insentif baucar buku yang diberikan oleh kerajaan kepada pelajar diharap digunakan dengan sebaik mungkin bagi membolehkan mereka menjadi pelajar yang berilmu sekaligus menjadikan mereka pekerja atau modal insan yang kompeten pada masa hadapan.




YBhg. Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff menyampaikan baucar kepada pelajar

SAVE OUR RAINFOREST RACE 2014

oleh : Muhamad Shafiq Mohd Nor dan Muhamad Zafir Ajri
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Kelab Kaunseling dan Kerjaya, Maktab Koperasi Malaysia telah menyertai program "SAVE OUR RAINFOREST RACE 2014" yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA), dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 29 Mac 2014. Program yang telah diadakan di Hutan Simpan Sungai Besi, Cheras itu melibatkan laluan jejak 10 km ke arah tapak penanaman pokok berkeluasan



kira-kira dua hektar, yang bertemakan "SEE NATURE, SEE LIFE". Maktab Koperasi Malaysia telah menghantar wakil untuk menyertai program kemasyarakatan ini iaitu sebanyak 20 orang peserta dan seorang pegawai pengiring iaitu Encik Intiran A/L Harikrishnan, pensyarah Maktab Koperasi Malaysia.

Tujuan utama program ini dianjurkan adalah untuk menjelaskan betapa pentingnya

hutan simpan kepada manusia. Program ini adalah anjuran PEKA Malaysia iaitu satu badan organisasi bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan untuk menghentikan kemusnahan sumber asli, mempertahankan hak persekitaran dan menjadi suara kepada hidupan alam semula jadi. Program penanaman pokok bertujuan untuk menjana semula biodiversiti di kawasan tersebut dan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai



Pelajar MKM yang menyertai "Save Our Rainforest Race 2014"

kepentingan hutan simpan serta faedah-faedah yang dapat diperolehi.

Program "SAVE OUR RAINFOREST RACE 2014" itu telah berjaya menarik sebanyak 2,000 peserta daripada pelbagai peringkat jantina, umur dan bangsa. Terdapat juga peserta daripada luar negara yang turut serta dalam program ini seperti Australia, Amerika Syarikat dan lain-lain lagi.

Program ini bermula pada pukul 8.00 pagi di mana para peserta telah diberikan sarapan dan beberapa

taklimat ringkas daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mengenai kaedah penanaman pokok dengan betul serta beberapa aspek keselamatan yang perlu dipatuhi agar tiada kemalangan yang tidak diingini berlaku semasa larian dilakukan. Para peserta dibentuk kepada beberapa kumpulan iaitu terdiri daripada dua atau tiga orang bagi memudahkan acara penanaman pokok dijalankan.

Seterusnya, tepat pukul 9.00 pagi larian SORR 2014 telah dimulakan. Terdapat lima 'check-point' yang perlu dilalui dan setiap check-point tersebut terdapat beberapa tugas yang perlu dilakukan sebelum tugas yang utama iaitu menanam pokok. Para peserta perlu meredah denai-denai hutan yang mencabar dan dibantu oleh petugas daripada Angkatan Tentera Darat Diraja Malaysia dan SORR 2014. Selepas tugas dan penanaman pokok selesai, para peserta akan bersaing ke garisan penamat dan larian ini tamat pada pukul 3.00

petang. Sebagai tanda penghargaan, para peserta telah dihadiahkan pingat serta cenderamata bagi menghargai penyertaan mereka dalam SORR 2014.

Secara keseluruhannya, program "SAVE OUR RAINFOREST RACE 2014" yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA), dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini dapat memberi impak yang sangat besar. Para pelajar didedahkan dengan ilmu pengetahuan serba sedikit mengenai jenis-jenis kehidupan yang terdapat di hutan simpan dan menghargai alam semulajadi. Selain itu, program ini juga dapat merapatkan hubungan silaturrahim di antara masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan menghargai sumber alam yang masih ada. Sekali gus, ia dalam menerapkan sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan dapat melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap hidupan alam semula jadi.



MISI MENAWAN BUKIT BROGA

oleh : Siti Noor Nabila Mohd Razali
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Kelab Seni Dan Budaya (KSB) Maktab Koperasi Malaysia telah mengadakan aktiviti 'Misi Menawan Bukit Broga' yang bertempat di Semenyih, Selangor pada 30 Mac 2014. Program ini diketuai oleh saudara Ebby Firdaus bin Dahlan, Ketua Unit Multimedia dan Promosi, Kelab Seni dan Budaya, MKM. Seramai 70 orang pelajar DPK dan BBA MKM-UUM dan 11 pegawai pengiring yang turut serta dalam 'Misi Menawan Bukit Broga' ini termasuk Yang Berusaha Tuan Haji Ramlan bin Kamsin, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi Maktab Koperasi Malaysia. Pendakian Bukit Broga ini juga diiringi oleh Ketua Audit Dalam MKM, En Khairul Azmi Ismail dan beberapa rakan beliau sebagai pemandu arah bagi melancarkan perjalanan pendakian Bukit Broga.

Program misi menawan Bukit Broga ini julung kali diadakan sebagai permulaan Kelab Seni dan Budaya untuk bergerak lebih aktif dalam Kurikulum supaya seiring dengan pencapaian yang telah dicapai oleh Maktab Koperasi Malaysia. Ia juga dianjurkan bertujuan untuk mempromosi Maktab Koperasi Malaysia kepada umum sekaligus mendedahkan pelajar tentang semua yang berkaitan dengan alam sekitar.

Program ini bermula seawal jam 3.45 pagi di mana pelajar mula berkumpul di Maktab Koperasi Malaysia dan bertolak pada jam 4.00 pagi. Perjalanan yang mengambil masa selama 45 minit untuk sampai di Bukit Broga dan para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bagi memudahkan perjalanan menuju ke puncak Bukit Broga. Setelah selesai menunaikan solat subuh secara berjemaah, tepat jam 6.30 pagi, semua peserta dan juga pengiring mula meneruskan misi menawan puncak Bukit Broga. Semasa mendaki para pelajar telah mengedarkan beberapa keping risalah kepada pengunjung yang lain mengenai Maktab Koperasi Malaysia dengan tujuan dapat memperkenalkan Maktab Koperasi Malaysia kepada umum.

Perjalanan dari kaki Bukit Broga menuju puncak Bukit Broga mengambil masa selama 1 jam lebih dimana para pelajar terpaksa mengharungi 4 puncak bukit untuk sampai ke puncak Bukit Broga. Sikap kerjasama dapat dilihat di kalangan pelajar Maktab Kopersai Malaysia dimana mereka saling bantu membantu sesama pelajar sepanjang pendakian ke puncak bukit. Selain daripada itu, para pelajar juga

berpeluang untuk beramah mesra dengan pengunjung yang sama-sama mendaki Bukit Broga ini. Perasaan gembira dan terharu dapat dirasakan oleh setiap pelajar apabila tiba di puncak. Pemandangan yang sangat indah dapat dilihat dengan kehijauan pokok-pokok di sekeliling dan juga pelajar diberi sedikit pendedahan mengenai beberapa pokok yang hanya dilihat dalam hutan tebal oleh En Khairul Azmi. Tepat pada pukul 10 pagi, semua pelajar berangkat turun ke kaki Bukit Broga untuk berangkat pulang ke Maktab Koperasi Malaysia.

Secara keseluruhannya, program "Misi Menawan Bukit Broga" yang dianjurkan oleh Kelab Seni Budaya ini dapat memberi impak yang positif kepada para pelajar. Mereka berpeluang untuk menambah ilmu pengetahuan serba sedikit mengenai alam sekitar dan ini sekaligus dapat memupuk sikap menghargai alam sekitar. Selain itu, program ini juga dapat merapatkan hubungan dan semangat berpasukan di antara para pelajar dan juga masyarakat Malaysia. Para pelajar didedahkan dengan sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan dapat melahirkan masyarakat yang prihatin.

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH DEKAN

oleh: Siti Naqiah Aarif
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi



Majlis Penyampaian Anugerah Dekan bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian (Bidang Tumpuan Pengurusan Koperasi) MKM-UUM dan juga pelajar Diploma Pengurusan Koperasi telah berlangsung di Auditorium Abdul Majid, Maktab Koperasi Malaysia pada 2 April 2014.

Majlis yang bermula pada jam 9 pagi itu dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Puan Norwatim Bin Hj. Abd Latif, selaku pemangku Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia, Tuan Hj Ramlan Bin Kamsin, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi, para pensyarah, warga kerja Maktab Koperasi Malaysia serta para pelajar program jangka

panjang Maktab Koperasi Malaysia. Majlis telah dimulakan dengan perasmian yang disempurnakan oleh YBhg. Puan Norwatim Hj. Abd Latiff iaitu selaku Pemangku Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia dan seterusnya beliau menyampaikan Anugerah Dekan kepada pelajar cemerlang. Seramai 72 orang pelajar telah yang mendapat keputusan CGPA 3.50 ke atas iaitu seramai 60 pelajar Diploma Pengurusan Koperasi dan 12 pelajar BBA MKM-UUM.

Penyampaian Anugerah Dekan kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang adalah merupakan satu penghargaan kepada mereka di atas pencapaian yang telah dikecapi

di atas usaha mereka selama ini. Kebanyakan pelajar yang mendapat Anugerah Dekan ini menzahirkan perasaan terharu dan menjadikan anugerah ini sebagai satu pemangkin agar mereka dapat memperolehnya lagi di semester hadapan. Anugerah ini adalah sebagai penghargaan mereka kepada ibu bapa dan para pensyarah yang telah bertungkus lumus dalam mendidik mereka untuk berjaya dan memperoleh keputusan yang cemerlang pada tiap semester. Semoga usaha cemerlang mereka berterusan dan boleh digunakan di alam pekerjaan kelak dan menjadikan mereka insan yang sangat berguna terutamanya dalam sektor koperasi.

FORUM

Ijazah ^{VS} Surat Nikah

Oleh : Wan Rasyidah Wan Musa
Zaid Azmi Rusila
Pusat Pendidikan Tinggi



Dari kiri : Moderator En. Hilmi Yusof (pembaca berita TV3), panel utama Dr. Robiah K. Hamzah (pakar motivasi) dan panel kedua Pn. Amie Sofia (Pengacara TV ALHijrah)

Pada 10 April 2014, Kelab Nasyid di bawah Kelab Seni dan Budaya (KSB) telah mengikuti satu forum yang telah dianjurkan oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang bertajuk Ijazah vs Surat Nikah bertempat di Masjid UIA, Gombak. Panel forum ini terdiri daripada Dr. Robiah K. Hamzah selaku panel utama (pakar motivasi), moderator En. Helmi Yusof (pembaca berita TV3) dan panel kedua Puan Amie Sofia (pengacara TV ALHijrah). Seramai 40 orang pelajar yang terdiri daripada 35 ahli kelab nasyid serta 5 ahli kelab lain (Kelab komping, Kelab MKM TV) mengikuti program ini. Pegawai pengiring yang terlibat dalam menjayakan program ini ialah Puan Wan Rasyidah Wan Musa selaku penyelarass kelab nasyid serta

4 orang pegawai pengiring yang lain Cik Siti Hajar Saaey, Cik Nazirah Baharuddin, Puan Nor Fadhilah Mohd dan Cik Nur Shuhada Mohd Ali.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar untuk mengimbangkan antara cinta dan cita-cita. Forum ini turut membincangkan tentang 'Mengajar & Mengejar Harga Diri', di mana para panel memberi pendekatan kepada para pelajar untuk lebih memberi perhatian kepada tanggungjawab yang seharusnya dipikul sebagai seorang pelajar serta khalifah Allah. Pengisian forum tersebut telah membuka minda para pelajar tentang jodoh dan juga segulung ijazah. Pelajar

ditikberatkan tentang harga diri yang perlu mereka perjuangkan dari segi sahsiah rupa diri, akhlak dan akidah. Kata-kata yang dikeluarkan oleh Dr. Robiah dilihat memberi kesan positif kepada para pelajar, sebagai contoh "jodoh yang baik akan tiba, bilamana ibadah telah capai pada tahap yang maksimum". Para panel berkongsi pengalaman masing-masing berkenaan soal jodoh dan kejayaan kepada para pelajar untuk dijadikan iktibar dan pengajaran dalam menempuh kehidupan yang akan datang.

Secara keseluruhannya, penyertaan forum ini adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada para pelajar tentang pentingnya keseimbangan antara cinta dan cita-cita. Forum ini turut dilihat memberi impak kesedaran kepada para pelajar untuk memartabatkan diri sebagai seorang pelajar dan khalifah Allah dalam kehidupan seharian sebelum memegang sekeping surat nikah.



Sebahagian daripada ahli kumpulan nasyid bergambar bersama Dr. Robiah K. Hamzah

Program Khidmat Masyarakat "Mahasiswa Bersama Komuniti Desa"

oleh: Aaima Ibrahim
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Pada 4-6 April 2014, pelajar Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di bawah subjek kokurikulum telah menganjurkan program khidmat masyarakat "Mahasiswa Bersama Komuniti Desa" di Kampung Bukit Hijau, Jeram, Selangor. Seramai 72 orang pelajar Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) Semester 2 telah menjayakan program khidmat masyarakat dan diiringi oleh dua orang pensyarah Pusat Pendidikan Tinggi MKM.

Tujuan program ini diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara mahasiswa dengan penduduk kampung di samping memberi pendedahan awal kepada pelajar untuk bergaul dengan masyarakat luar terutamanya masyarakat kampung.

Program selama 3 hari 2 malam ini turut memuatkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Antaranya ialah gotong-royong di sekitar Kg. Bukit Hijau, aktiviti sukaneka bersama penduduk kampung, latihan dalam

kumpulan (LDK), merentasi hutan dan juga pertandingan 'explorace' di sekitar kawasan Kg. Bukit Hijau. "Mahasiswa Bersama Komuniti Desa" juga melibatkan beberapa orang fasilitator yang terdiri daripada wakil JKKK Kg. Bukit Hijau dan penduduk kampung. Mereka melahirkan perasaan gembira dengan kehadiran para pelajar dan penglibatan mereka dalam setiap aktiviti yang diadakan.

Secara keseluruhannya, program "Mahasiswa Bersama Komuniti Desa" ini dilihat mampu melatih dan membina sifat kepimpinan serta kemahiran komunikasi, bekerjasama dan profesionalisme yang perlu ada dalam diri pelajar. Selain itu, program ini juga mampu memberi pelbagai faedah bukan sahaja kepada para pelajar, tetapi juga kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.



Gotong-royong mengecat bangunan di sekitar Kg. Bukit Hijau



Aktiviti sukaneka bersama penduduk kampung



'The Iron Lady', Datuk Dr Maznah Hamid memberikan ceramah berkaitan kejayaan beliau dalam bidang keusahawanan

'NATIONAL YOUNG ENTREPRENEURS SUMMIT 2014'

oleh: **Fatin Hazira Sulaiman**
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Program yang dijalankan selama satu hari itu, telah memuatkan pelbagai aktiviti menarik untuk para pesertanya. Antaranya adalah perkongsian ilmu dan pengalaman dalam bidang perniagaan oleh dua individu terhormat yang telah berjaya menjadi usahawan dalam usia muda iaitu 'The Iron Lady', Datuk Dr. Maznah Hamid bersama perunding kewangan, En. Shamsuddin Kadir.

Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan ia dapat memberi peluang untuk berinteraksi sesama mereka dalam membincangkan isu-isu dan permasalahan yang berlaku dalam industri keusahawanan di Malaysia. Ia boleh digunakan sebagai platform untuk membuat inovasi terhadap idea-idea mereka dan para peserta menyumbangkan idea-idea baru bagi menambahbaik industri keusahawanan di Malaysia terutamanya bagi usahawan muda yang terdiri daripada kalangan pelajar di institut pengajian tinggi.

Hasrat utama program 'National Young Entrepreneurs Summit 2014' ini ternyata tercapai apabila ramai peserta yang mula memahami kebaikan menjadi seorang usahawan dan ada juga yang bercita-cita menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya.

Secara keseluruhannya, manfaat dan ilmu yang diperoleh daripada seminar ini dapat memberi pendedahan dan nilai tambah dalam diri pelajar itu sendiri. Program seperti ini juga sedikit sebanyak dapat memberikan idea dan penunjuk jalan dalam meningkatkan nilai keusahawanan dalam diri pelajar bukan semata-mata pembelajaran di dalam kelas sahaja. Semoga program seperti ini dimanfaatkan sebaiknya dalam mendidik para pelajar menjadi usahawan yang lebih kompeten dan berinovasi untuk diaplikasikan dalam pelbagai sektor terutamanya sektor koperasi di masa akan datang kelak.



Pelajar MKM menerima cenderamata daripada pihak penganjur 'National Young Entrepreneur'

Pada 5 April 2014, program 'National Young Entrepreneurs Summit 2014', anjuran Majlis Eksekutif Pelajar (MEP) Biro Pembangunan Keusahawanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diadakan di UKM. Program tersebut disertai oleh 20 orang pelajar Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang terdiri daripada ahli Kelab Keusahawanan dan diiringi oleh penyelarass kelab tersebut iaitu En. Megat Aizam. Program ini turut dihadiri oleh pelajar-pelajar IPTA dan IPTS di seluruh Malaysia.

Matlamat utama program ini adalah untuk mengumpul usahawan muda dalam kalangan pelajar IPTA dan IPTS. Ini bertujuan untuk melahirkan usahawan muda yang lebih kreatif dan kritis dalam bidang keusahawanan selain melahirkan usahawan yang berani menghadapi pelbagai risiko.



KURSUS ICT

oleh : Nor Azlina Kassim
Pusat Teknologi Maklumat dan
Komunikasi



Pengurusan Komputer Peribadi

Pengurusan Maklumat Dalam Talian

**Bengkel Mereka Bentuk
Laman Web Koperasi**

Perniagaan Dalam Talian

**Bengkel Membangunkan Sistem
Pinjaman Koperasi**

**Bengkel Membangunkan Sistem
Keanggotaan Koperasi**

Seperti yang diketahui umum, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dapat meningkatkan produktiviti seseorang pekerja dan seterusnya akan meningkatkan kecekapan penyampaian sesebuah organisasi. Selain itu, ICT juga menjadi antara medium yang banyak digunakan untuk melaksanakan langkah penjimatan dan mendukung aspirasi "Go Green" yang diuar-uarkan oleh kerajaan Malaysia sekarang ini.

Sehubungan itu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) melalui Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi menganjurkan pelbagai kursus berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi yang dapat digunakan untuk membantu mengukuhkan pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Pada tahun 2014, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi menawarkan 15 buah kursus berkaitan ICT.

Semua koperasi di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau lain-lain individu yang berminat sama ada bekerja di sektor kerajaan atau swasta, boleh memohon untuk menghadiri kursus-kursus yang ditawarkan. Kursus-kursus berkaitan komputer yang disediakan hanya dikenakan yuran yang teramat rendah berbanding di tempat lain. Semua koperasi boleh mengambil peluang yang disediakan untuk mempelajari ilmu ICT supaya penyampaian perkhidmatan kepada anggota koperasi dapat ditingkatkan.



oleh : Hajar Azwin Hj. Mohamad Ashi
Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi

Kursus-kursus yang ditawarkan

- Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)
- Perundangan Koperasi dan Aplikasi
- Memahami Undang-Undang Kecil Koperasi
- Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi
- Bengkel Penyediaan Aturan Koperasi
- Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi
- Kepimpinan 360° dalam Koperasi
- Kesetiausahaan Koperasi Berkesan
- Penyediaan Laporan Tahunan Koperasi
- Bengkel Inovasi dan Kreativiti serta Menguruskan Krisis Integriti Koperasi

Sebuah koperasi perlu mempunyai tadbir urus yang baik supaya dapat mengukuhkan keyakinan anggota terhadap koperasi. Bagi meningkatkan kecekapan dan tadbir urus yang baik dalam sektor koperasi, pemahaman ilmu tadbir urus koperasi serta perundangan koperasi harus diberi penekanan pada setiap pemimpin koperator serta pemimpin pelapis koperasi.


Justeru, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) melalui Pusat Tadbir urus dan Perundangan Koperasi menganjurkan pelbagai kursus berkaitan Tadbir urus koperasi dan perundangan yang dapat digunakan untuk membantu mengukuhkan pengurusan dan pentadbiran koperasi serta mengatur strategi dalam pengurusan risiko.

Pada tahun 2014, Pusat Tadbir urus dan Perundangan Koperasi menawarkan 11 buah kursus generik berkaitan pentadbiran koperasi, perundangan dan kepimpinan koperasi dan 4 kursus bidang keberhasilan.

Bagi kursus bidang keberhasilan pula adalah Pengurusan Ladang, Pengurusan Pengeluaran Ayam Pedaging dan Perniagaan Butik Kecantikan (Spa) dan Kesihatan. Pusat ini juga menjalankan kursus kerjasama Bank Rakyat iaitu Kursus Kepimpinan Keusahawanan Mikro Kredit yang merupakan kursus yang dikategorikan dalam bidang keberhasilan kewangan.

Sasaran peserta bagi kursus-kursus di atas adalah Anggota Lembaga Koperasi, jawatankuasa kecil koperasi, pemimpin pelapis koperasi, perwakilan koperasi, pengurus koperasi, semua koperasi di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau lain-lain individu yang berminat sama ada bekerja di sektor kerajaan atau swasta. Kursus-kursus yang ditawarkan memberi banyak impak positif kepada pentadbiran koperasi dengan bayaran yuran yang berpatutan (RM25 bagi anggota koperasi dan RM50 bagi individu bukan koperasi). Transformasikan koperasi anda dengan tadbir urus yang baik selaras dengan perundangan yang termaktub.

Kursus Pengurusan Perniagaan

- 
- Pengurusan Perniagaan Kedai Runcit Moden
 - Pengurusan Perniagaan Penghasilan Kek dan Bakeri
 - Pengurusan Perniagaan Mee dan Soya
 - Pengurusan Perniagaan Perkhidmatan Teksi
 - Pengurusan Perniagaan Perkhidmatan Stesen Minyak
 - Pengurusan Perniagaan Pemprosesan Baja Organik
 - Tinja Kambing dan Lembu
 - Pengurusan Perniagaan Perkhidmatan Pelancongan dan lain-lain lagi

oleh: **Noranita Mohd Nor**
Pusat Pengurusan Koperasi

Pengurusan perniagaan yang cekap dan sistematik dapat meningkatkan produktiviti sesebuah perniagaan. Aspek pengurusan perniagaan memainkan peranan penting dalam mengurus sesebuah perniagaan. Ilmu pengetahuan dalam perniagaan juga perlu ditambah dari semasa ke semasa demi memantapkan lagi perniagaan yang sedia ada. Sehubungan dengan itu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) mengambil inisiatif dengan menawarkan beberapa kursus di bawah bidang pengurusan perniagaan kepada para koperator seluruh Malaysia bagi memajukan lagi gerakan koperasi.

Pusat Pengurusan Perniagaan (CoB), MKM merupakan pusat yang bertanggungjawab untuk membantu koperasi ke arah memperkasa bidang perniagaan dan keusahawanan selaras dengan hasrat Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 yang memberi penekanan terhadap penglibatan koperasi dalam bidang ekonomi yang bernilai tinggi, pembangunan modal insan yang

kreatif, inovatif dan berbudaya keusahawanan serta kesedaran tentang perubahan persekitaran.

Justeru itu, pusat ini berfungsi menyediakan program latihan yang berkaitan dengan kaedah menguruskan sesebuah perniagaan. Pada tahun 2014, Pusat Pengurusan Perniagaan menawarkan 30 buah kursus berkaitan dengan pengurusan perniagaan.

Seluruh koperasi di Malaysia atau individu-individu yang berminat tidak kira di sektor kerajaan atau swasta adalah dialu-alukan untuk menghadiri kursus di MKM dengan membuat permohonan kursus secara terus di MKM. Kursus yang dipelajari ini secara tidak langsung dapat mewujudkan jaringan kerjasama dengan usahawan-usahawan berjaya serta dapat meningkatkan pendapatan koperasi dengan teknik-teknik dan kaedah-kaedah yang bakal dipelajari kelak.

DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI (Sepenuh Masa)



KELAYAKAN MASUK

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kredit (keutamaan kepada kredit Bahasa Melayu dan Matematik);
ATAU
- Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

JANGKA MASA PENGAJIAN

2 tahun 4 bulan (6 semester)

KEMASUKAN

15 Jun setiap tahun

CARA PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my> atau mkm-onlineapplication.oum.edu.my
Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Urus setia program Pendidikan Tinggi

Pusat Pendidikan Tinggi @ iCOOP, Maktab Koperasi Malaysia

No.21 Jalan Selangor, 46050 Petaling Jaya, Selangor

Tel : +6 03 7952 4500 Faks : +6 03 7955 0863 E-mel : icoop@mkm.edu.my



KEMASUKAN
September setiap tahun

Sijil PENGURUSAN KOPERASI e-PJJ

1

KELAYAKAN MASUK

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf sekurang-kurangnya satu kredit.

2

JANGKA MASA PERMOHONAN

Program e-PJJ ini menggunakan sistem trisemester (3 semester untuk 1 tahun akademik) yang memerlukan pelajar untuk sekurang-kurangnya menjalani pengajian selama satu tahun lapan bulan hingga dua tahun.

3

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

15 Ogos setiap tahun

4

PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat

<http://www.mkm.edu.my> atau
mkm-onlineapplication.oum.edu.my

Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Urus Setia Program Pendidikan Tinggi, Pusat Pendidikan Tinggi @ iCOOP
Maktab Koperasi Malaysia, No. 21 Jalan Selangor, 46050 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03 7952 4500 Faks : 03 7955 0863 E-mel : icoop@mkm.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

31 Julai setiap tahun

IJAZAH SARJANA MUDA **Pentadbiran Perniagaan dengan** **Kepujian (Bidang Tumpuan** **Pengurusan Koperasi)**



JANGKA MASA PENGAJIAN
Sepenuh Masa : 4 tahun atau 8 semester

KEMASUKAN
September setiap tahun

KELAYAKAN MASUK

- Lulus SPM/setaraf dengan baik
- Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan
- Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/setaraf dan
- Lulus mata pelajaran Matematik/Matematik Tambahan/Prinsip Akaun/Perdagangan di peringkat SPM/setaraf atau Matematik Kertas Julai dan
- Lulus STPM dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya
 - (a) Gred (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan
 - (b) Gred (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain atau
- Mendapat sekurang-kurangnya peringkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau
- Mempunyai kelayakan Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dengan kelayakan yang baik dan ada kaitan dengan program yang ditawarkan dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysia University English Test (MUET)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my> atau mkm-onlineapplication.oum.edu.my Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Urus Setia Program Pendidikan Tinggi, Pusat Pendidikan Tinggi @ iCOOP
Maktab Koperasi Malaysia, No. 21 Jalan Selangor, 46050 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03 7952 4500 Faks : 03 7955 0863 E-mel : icoop@mkm.edu.my